23.2 Where any currency in which the Bank must make payment becomes unavailable due to restrictions on convertibility or transferability or Force Majeure or any reason whatsoever, the Bank may make payment in such other currency at the exchange rate determined by the Bank.

**24. Severability and Waiver**

24.1 If any Terms and Condition are found to be illegal or prohibited, they shall be ineffective only as to the illegal or prohibited parts of such Terms and Conditions. The remaining Terms and Conditions shall not be affected.

24.2 Any waiver or indulgence granted shall not prevent the Bank from enforcing the other parts of the Terms and Conditions which are unaffected by such waiver or indulgence, or other rights or require the Bank to grant further indulgence. The rights and remedies provided by law are not excluded by these Terms and Conditions.

**25. Governing Law**

25.1 These Terms and Conditions shall be governed by the laws of Malaysia. The Bank may commence proceedings against me/us in Malaysia or elsewhere, irrespective of my/our place of residence or business or the place where the Mudarabah Investment Account(s) is maintained.

**26. Successors Bound**

26.1 These Terms and Conditions shall be binding upon my/our heirs, personal representatives and successors-in-title and the successors-in-title and assigns of the Bank. I/We shall not assign any of my/our rights and interest in the Mudarabah Investment Account(s) or the services rendered by the Bank as contemplated herein. My/Our obligations and liabilities shall continue notwithstanding any change by amalgamation, reconstruction or otherwise in the constitution of the Bank.

**27. Security Procedure**

27.1 I/We hereby agree to keep my/our Security Details in relation to my Mudarabah Investment Account(s), confidential and personal to me/us and shall take all reasonable precautions at all times to prevent unauthorized or fraudulent use of them.

27.2 I/We hereby acknowledge that I/we must not disclose, compromise, share or otherwise provide access to my/our Security Details any other confidential information in relation to my Mudarabah Investment Account(s) to any other person or record my/our Security Details including but not limited to Passbook/ATM Card/Electronic Banking Password and PIN number and any other confidential information in relation to my Mudarabah Investment Account(s), in any way that may result in them becoming known to another person.

27.3 In the event that:

(a) my/our Security Details (or any part thereof), are breached, compromised or otherwise accessed by a third party, for any reason; or

(b) I/we have lost or misplaced any such Security Details (or any part thereof); or

(c) an unauthorised transaction has been carried out in relation to my/our Mudarabah Investment Account(s);

I/We hereby undertake that I/we shall forthwith and without delay notify the Bank and provide all relevant information as may be required by the Bank in accordance with Clause 32 herein.

**28. Electronic Banking Services**

28.1 I/We may use the electronic banking services to perform any transactions or give instructions to the Bank on my/our Mudarabah Investment Account(s) or any other services that are offered by the Bank under its electronic banking services. The electronic banking services are subject to further terms and conditions, which are available with the respective electronic banking services or upon request made to the Bank.

28.2 The terms and conditions applicable to the electronic banking services shall apply to me/us in the event the I/we use the electronic banking services to perform any transactions pertaining to my/our Mudarabah Investment Account(s).

28.3 The Terms and Conditions applicable to the respective electronic banking services are in addition to this Terms and Conditions. In the event of conflict and/or inconsistency between the Terms and Conditions herein and terms and conditions applicable for the respective electronic banking services, the terms and conditions applicable to respective electronic banking services shall prevail to the extent of the inconsistency.

**29. Taxes**

29.1 Any goods and services tax or levies now or hereafter imposed by law or required to be paid in respect of any monies payable to or to be received by the Bank on any expenses incurred or to be incurred by the Bank (except where prohibited by law) shall be borne by me/us.

29.2 I/We agree that the Bank reserves the right to debit my/our Mudarabah Investment Account(s) for such taxes or levies payable by me/us. In the event such debiting causes my/our Mudarabah Investment Account(s) to be overdrawn, charges at the Bank's prevailing rate (s) shall be imposed accordingly to me/us.

**30. Miscellaneous**

30.1 These Terms and Conditions are intended to be wholly Shariah-compliant. I/we and the Bank agree that their respective rights and obligations herein are intended to be and subject to and in conformity with Shariah (as determined by the Shariah Committee of the Bank).

30.2 These Terms and Conditions shall be read together with the Specific Terms or Specific Mudarabah Investment Account Terms and/or the respective Product Disclosure Sheets, all supplementary terms and conditions and any other relevant terms and conditions in such form as the Bank may impose and/or amend from time to time, including such other rules and regulations binding on the Bank and shall be construed as a single agreement between the Bank and me/us. I/We hereby agree(s) that I/we have been advised to carefully read and understand these Terms and Conditions together with all other terms and condition related to the Mudarabah Investment Account(s) and I/we hereby further agree(s) to seek independent advise in relation to the Mudarabah Investment Account(s) without any undue influence or coercion prior to my/our application and placements herein.

**31. Dormant Account**

31.1 I/We agree that if no transactions are carried out on my/our Mudarabah Investment Account(s) for a period of three (3) continuous months or any other period determined by the Bank at its absolute discretion, the Bank may consider such Mudarabah Investment Account(s) dormant and impose a charge or fee on that account and subsequently close it with prior notice to me/us.

31.2 Once an account is considered dormant, I/we may either opt to reactivate such dormant account or close it before the available funds are transferred to the Registrar of Unclaimed Moneys.

31.3 I/We agree that the Bank may also close the Mudarabah Investment Account(s) or withdraw, suspend or terminate any or all of the services in accordance with any guidelines or rules of Bank Negara Malaysia or anybody/association/regulatory authority or of the Bank.

31.4 I/We hereby agree that under the prevailing Unclaimed Moneys Act, 1965 or any statutory amendments thereto, any moneys standing to the Mudarabah Investment Account(s) which are not in operations for seven (7) years including any profit accrued to the credit of such Mudarabah Investment Account(s) must be gazetted as "Unclaimed Monies" and shall be remitted to the Registrar of the Unclaimed Moneys and such Mudarabah Investment Account(s) will then be closed by the Bank. The Bank shall provide me/us with twenty one (21) days' notice prior to any such remittance to the Registrar of Unclaimed Monies.

31.5 I/We agree that the profit on my/our Mudarabah Investment Account(s) that has been considered dormant will be reduced according to the rates as advertised on the Bank's website, branches or notified by the Bank by giving twenty one (21) calendar days' prior notice.

**32. Enquiries/Complaints/Communication**

32.1 Should I/we have any queries, concerns or complaints in relation to my/our Mudarabah Investment Account(s) and/or these Terms and Conditions (including but not limited to providing notification under Clause 27.3), I/we hereby agree to contact the Bank at the following contact points:

Maybank Group Customer Care, Lot
12, Jalan Astaka U8/84, Section U8,
Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam,
Selangor.

Telephone no.: 1300-88-6688
Overseas telephone no.: +603-78443696 Fax
no.: 1300-88-8899
Email address: mgcc@maybank.com.my

32.2 I/We agree to specify the nature of my/our query, complaint and/or dispute and such other details or information as may be required by the Bank (for example and as applicable, my/our name, the affected account, the date and amount of the disputed transactions, the reason why I/we dispute the transaction, etc.) and I/we acknowledge that such complaint and/or dispute shall be investigated, handled and/or resolved in accordance with the Bank's complaints and dispute resolution procedure.

32.3 I/We hereby undertake that any complaints and claims made by me/us shall be true and legitimate and I/we acknowledge that I/we will be liable to the Bank in relation to false or fraudulent complaints or claims.

**33. Compliance with Regulatory Requirements**

33.1 I/We hereby confirm that all the transactions undertaken under my/our account are strictly lawful in nature and I/we agree to abide by any regulatory requirement and will disclose all required information to the Bank. The information disclosed by me/us shall be deemed to be accurate and final for the Bank to process the transaction.

33.2 I/We hereby agree that the Bank has the right to hold any funds residing in my/our account to ensure compliance with relevant regulatory requirement and the Bank reserves the right to debit my/our account in the event of non-compliance to the relevant regulatory requirement.

33.3 I/We hereby agree that the Bank may at its sole and absolute discretion reject any transaction including but not limited to outward application and/or transaction made by me/us at any time in the event the Bank is not satisfied with the supporting documents provided.

**34. Declaration**

34.1 I/We hereby declare and represent to the Bank that:

(a) I/we am/are not an undischarged bankrupt and that no Insolvency Matter have been instituted against me/us under the laws of Malaysia or any other jurisdiction;

(b) the information given by me/us to the Bank is/are true and correct and I/we hereby authorise the Bank to verify the same from any source, as the Bank may in its sole discretion deem appropriate. I/we agree that the Bank may close any Mudarabah Investment Account(s) immediately in the event that any declaration made by me/us herein is found to be false or inaccurate;

(c) I/we consent to the disclosure by the Bank of any information herein to any regulatory or enforcement authorities for the purpose of complying with the legal, regulatory, compliance and risk management's requirements including but not limited to the purposes of compliance with the Foreign Account Tax Compliance Act ("FATCA") and the Common Reporting Standards required by the Organisation For Economic Co-operation and Development ("CRS");

(d) I/We consent to the withholding from any Mudarabah Investment Account(s) that I/we have with the Bank, such amounts and/or the classification of me/us as a reportable account(s) in accordance with the requirements of FATCA and or CRS, applicable laws, regulations, agreement, or regulatory guidelines or directives and/or for the Bank to close the Mudarabah Investment Account(s), in the event I/we fail to provide accurate and/or complete information and/or documentation as the Bank may require; and

(e) In addition to the above, I/we also undertake to provide the Bank with written notice within thirty (30) days, should there be any change in information or declaration provided to the Bank including the information provided and the declarations made in compliance with the FATCA and or CRS requirements.

**35. Anti-Corruption, Anti-Money Laundering and Sanctions Law**

35.1 Anti-Corruption Laws

(a) I/We hereby represent and warrant to the Bank that I/we will at all times operate the Banking Account(s) in compliance with all applicable Anti-Corruption Laws, policies and regulations.

35.2 Anti-Money Laundering

(a) I/We hereby warrant that none of the funds moving to and from my/our Banking Account(s) represent proceeds of, or will be used for an unlawful activity as defined in the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities 2001 (the "Anti-Money Laundering Act").

(b) I/We agree that during the tenure of these Terms and Conditions, I/we will not operating the Banking Account(s):-

(i) engage, directly or indirectly, in a transaction involving an unlawful activity;
(ii) conceal or disguise the true nature of any unlawful activity; or
(iii) utilise any monies from your accounts for any money laundering or other unlawful purpose.

35.3 Sanctions

(a) I/we are not and to my/our knowledge, none of my/our relatives, is an individual that is (i) currently subject to any sanctions administered or enforced by Malaysia, the United States of America, OFAC, the United Nations Security Council, the European Union, the UK Government or other relevant sanctions authority (collectively, "Sanctions"), or (ii) located or resident in a country or territory that is the subject of Sanctions (including, without limitation, Burma/Myanmar, Cuba, Iran, Libya, North Korea, Sudan or Syria).

(b) I/We will not directly or indirectly, make available in any way any proceeds of any cash withdrawal to any individual or entity which is a subject of the Sanctions.

(c) I/We hereby acknowledge that the Bank may be unable to process affected transactions that involve or are suspected to involve a breach of Sanctions or any requirements imposed by any authority having jurisdiction over the Bank or the affected transactions. The Bank shall not be responsible in any way for any failure or delay in processing any such transaction.

END OF TERMS AND CONDITIONS

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN MUDARABAH PERBANKAN ISLAM**
**(Berkuat kuasa: 01.12.2021)**

**GAMBARAN KESELURUHAN**

Terma dan syarat ("Terma dan Syarat") ini, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa, menerangkan terma dan syarat yang mengawal akaun perbankan anda dengan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat 200701029411). Dengan membuka dan menggunakan akaun perbankan anda atau perkhidmatan yang berkaitan dengannya, maka anda bersetuju dan menerima Terma dan Syarat ini dan apa-apa perubahan padanya selepas ini. Sila baca dokumen ini dengan teliti.

## A. TAKRIF DAN TAFSIRAN

### 1. Takrif

1.1 Melainkan dengan nyatanya ditetapkan sebaliknya, takrif berikut hendaklah terpakai kepada Terma dan Syarat ini: "ATM"

bermaksud Mesin Juruwang Automatik;

"Undang-undang Anti Rasuah" bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Amalan Rasuah Asing AS 1977, Akta Rasuah Inggeris 2010; dan / atau mana-mana undang-undang atau peraturan serupa yang dikenakan keatas anda atau kami, yang berkaitan dengan rasuah atau korupsi;

"Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram" bermaksud semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, pembiayaan anti-keganasan dan hasil aktiviti yang menyalahi undang-undang (termasuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan dan Perolehan Aktiviti Yang Tidak Sah 2001 Malaysia) , dan semua arahan dan garis panduan yang mengikat dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan menurut undang-undang tersebut;

"Pihak Berkuasa" hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kawal selia yang lain, sama ada tempatan atau antarabangsa;

"Perintah Pihak Berkuasa" bermaksud arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa untuk menahan Bank daripada melaksanakan apa-apa transaksi di bawah Akaun Pelaburan Mudarabah pemegang akaun, tanpa mengambil kira sama ada Pihak Berkuasa tersebut mempunyai kuasa undang-undang atau kuasa sah untuk memberikan arahan tersebut kepada pihak Bank;

"Bank" bermaksud Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat 200701029411);

"Bank Negara Malaysia" bermaksud Bank Pusat Malaysia;

"Akaun Perbankan" bermaksud semua jenis Akaun Simpanan, Akaun Semasa, Akaun Induk Mata wang Asing ("MFCA", seperti yang ditakrifkan di bawah), hendaklah termasuk MFCA Dagangan dan MFCA Pelaburan, Akaun Deposit Tetap, Akaun Kemudahan Deposit Khas dan setiap dan seluruh akaun lain yang ditawarkan oleh Bank dan yang dikekalkan oleh pemegang akaun dengan pihak Bank dan jika konteks menghendakinya, hendaklah bermaksud mana-mana satu daripada akaun tersebut;

"Akta Syarikat" bermaksud Akta Syarikat 2016 serta kaedah dan peraturannya termasuk apa-apa pindaan, penyatuan atau penggubalan semulanya dari semasa ke semasa;

"Perkhidmatan Perbankan Elektronik" bermaksud perkhidmatan perbankan elektronik yang disediakan oleh Maybank yang membolehkan pemegang akaun mendapatkan maklumat daripada Bank dan/atau berhubung dengan atau memberikan arahan kepada Bank secara elektronik termasuk tetapi tidak terhad kepada melalui komputer, telefon, telefon mudah alih, pembantu digital peribadi atau apa-apa peranti elektronik lain yang dipautkan kepada sistem Bank;

"Polisi FE" bermaksud kaedah, peraturan atau notis pentadbiran pertukaran asing seperti yang ditadbir dan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa;

"Force Majeure" merujuk kejadian atau keadaan di luar kawalan Bank yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
(a) gempa bumi, banjir, kebakaran, wabak, bencana alam dan malapetaka lain; dan/atau
(b) keganasan, rusuhan, kekacauan atau gangguan awam, peperangan sama ada yang diisytiharkan atau tidak dan mogok yang berlangsung selama tiga (3) bulan atau lebih;

"Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah" bermaksud apabila pihak Bank menahan atau menggantung pemegang akaun daripada melaksanakan atau menjalankan apa-apa transaksi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran atau pembayaran apa-apa wang atau pelunasan apa-apa cek atau apa-apa instrumen lain, atau melakukan atau melaksanakan apa-apa arahan untuk pembayaran atau pengeluaran daripada Akaun Pelaburan Mudarabah;

"IFSA" bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 serta kaedah dan peraturannya termasuk apa-apa pindaan, penyatuan atau penggubalan semulanya dari semasa ke semasa;

"Perkara Insolvensi" bermaksud tindakan bankrap, dan/atau petisyen penggulungan atau kebankrapan yang telah dikemukakan terhadap pemegang akaun, dan/atau mana-mana satu pengarah pemegang akaun atau lebih yang merupakan penandatangan bagi Akaun Pelaburan Mudarabah atau pemegang akaun atau mana-mana satu daripada mereka yang dihukum bankrap;

"Perkara Dalaman" bermaksud apa-apa tuntutan yang bertentangan atau berlawanan atau bercanggah oleh mana-mana rakan kongsi, pengarah, pemegang saham, anggota benefisiari atau pemegang Akaun Bersama yang lain atau oleh mana-mana orang yang dikatakan sebagai rakan kongsi, pengarah, pemegang saham, anggota benefisiari yang berkaitan dengan apa-apa Akaun Pelaburan Mudarabah yang merupakan akaun perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan/atau akaun syarikat atau Akaun Pelaburan Mudarabah mana-mana organisasi, badan, jawatankuasa, pertubuhan, kelab, persatuan lain yang mempunyai status undang-undang yang sah,

yang berkaitan dengan hasil atau baki Akaun Pelaburan Mudarabah tersebut atau pengendalian Akaun Pelaburan Mudarabah seumpamanya atau mandat pengendalian;

“Luar aturan” bermaksud, secara kolektif atau secara khususnya, apabila cek yang didepositkan melalui mesin deposit cek atau peti deposit cek segera, jika berkenaan, tidak disertakan dengan sampul yang disediakan dan/atau slip deposit cek dan/atau nama dan/atau nombor akaun penerima tidak ditulis atau diisi pada slip deposit cek dan/atau pada belakang cek tersebut dan/atau sampul tidak digam dan/atau cek tidak dimasukkan ke dalam peti yang berkenaan dan/atau terdapat perselisihan antara nama dan nombor akaun pada slip deposit cek dengan cek yang didepositkan atau nombor akaun, nama dan/atau jumlah yang salah dimasukkan pada mesin deposit cek termasuk apa-apa perselisihan lain yang boleh ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa;

“Akaun Bersama” bermaksud Akaun Pelaburan Mudarabah dalam nama bersama;

“Akaun LLP” bermaksud Akaun Pelaburan Mudarabah yang didaftarkan sebagai akaun perkongsian liabiliti terhad; “Maybank”

bermaksud Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 3813-K);

“Kumpulan Maybank” bermaksud, secara kolektif, Bank, anggota gabungannya, dan mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Bank (menurut Seksyen 7 Akta Syarikat) serta syarikat yang bersekutu dengan Bank atau syarikat induknya;

“Akaun Pelaburan Mudarabah(s)” bermaksud semua jenis Akaun Pelaburan Mudarabah dan setiap dan seluruh akaun lain yang ditawarkan oleh Bank, yang dikekalkan oleh saya/kami kekalkan dengan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Pelaburan Mudarabah dengan buku cek atau Pelaburan Berjangka dengan tarikh matang dan jika konteks itu bermaksud mana-mana satu daripada akaun tersebut;

“MyKad” bermaksud Kad Pengenalan Pendaftaran Negara Malaysia;

“Pegawai Serah Hak Rasmi” bermaksud Pendaftar Jabatan Insolvensi Malaysia;

“Akaun Perkongsian” bermaksud Akaun Pelaburan Mudarabah yang didaftarkan sebagai akaun perkongsian; “PDPA” bermaksud

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 serta kaedah dan peraturan yang dikeluarkan menurutnya; “PIN” bermaksud Nombor

Pengenalan Peribadi;

“Polis” merujuk Polis Diraja Malaysia;

"Undang-undang Sekatani" bermaksud sebarang arahan atau perintah sekatan yang ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, Pejabat Perbendaharaan Aset Kawalan Asing AS ("OFAC"), Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah atau lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan dengan mana-mana individu atau entiti yang terletak, dianjur atau bermastautin di negara atau wilayah yang ditetapkan (termasuk, tanpa batasan, pada masa ini, Myanmar, Cuba, Iran, Libya, Korea Utara, Sudan dan Syria);

“Butiran Keselamatan” termasuk tetapi tidak terhad kepada Buku Akaun/Kad ATM/Kata Laluan Perbankan Elektronik dan PIN, dan apa-apa maklumat sulit lain, kod keselamatan dan/atau peranti keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah pemegang akaun;

“Syarat Khusus” bermaksud syarat khusus yang mungkin terpakai kepada Akaun Pelaburan Mudarabah berkaitan dengan ciri khas seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan khusus dan/atau brosur dan/atau dokumen lain yang berkaitan;

“Terma dan Syarat” bermaksud terma dan syarat dalam dokumen ini, seperti yang boleh dipinda dari semasa ke semasa oleh Bank menurut syarat dokumen ini;

**2. Tafsiran**

2.1 Melainkan tujuan dinyatakan sebaliknya, apa-apa rujukan dalam Terma dan Syarat ini kepada:

(a) apa-apa rujukan kepada pihak dalam Terma dan Syarat ini merujuk kepada pemegang akaun yang dinamakan dalam Akaun Pelaburan Mudarabah, termasuk pengganti hak milliknya dan permegang serah hak yang dibenarkan;

(b) perkataan yang menunjukkan mufrad merangkumi jamak dan sebaliknya, dan perkataan yang menunjukkan mana-mana jantina merangkumi semua jantina;

(c) tajuk kecil, tajuk dan pembahagian peruntukan kepada seksyen dan fasal dalam Terma dan Syarat ini adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan dipertimbangkan dalam tafsiran peruntukan substantif Terma dan Syarat ini;

(d) apabila perkataan atau frasa diberikan maksud tertentu, maka bahagian bahasa dan bentuk tatabahasa lain bagi perkataan atau frasa itu hendaklah mempunyai maksud yang sama;

(e) apabila terdapat dua (2) orang atau pihak atau lebih dimasukkan atau dirangkumkan dalam ungkapan pelanggan, maka Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat orang atau pihak tersebut secara bersesama dan berasingan;

(f) perkataan yang terpakai kepda orang sebenar termasuk mana-mana pertubuhan, badan, orang, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, korporat atau selainnya, dan sebaliknya;

(g) apa-apa rujukan kepada apa-apa statut ialah rujukan kepada statut tersebut seperti yang dipinda, disatukan atau digubal semula dari semasa ke semasa.

**B. AKAUN PELABURAN MUDARABAH Di**

**bawah Akaun Pelaburan Mudarabah:**

(e) Bank akan menerima sejumlah atau sebarang jumlah wang yang digunakan untuk tujuan pelaburan. Saya/Kami akan mengamanahkan dan memberi kuasa kepada pihak Bank bagi menggunakan wang pelaburan itu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kewangan dan pelaburan yang patuh Syariah. Keuntungan yang dijana daripada pelaburan tersebut (jika ada) akan dikongsi antara Saya/Kami dan Bank mengikut nisbah perkongsian keuntungan ("PSR") yang telah dipersetujui bersama. Sebarang kerugian daripada pelaburan tersebut (jika ada) akan ditanggung oleh Saya/Kami kecuali jika kerugian itu disebabkan salah laku, kecuaian atau pelanggaran mana-mana terma tertentu di pihak Bank.

(f) Saya/Kami bersetuju dengan terma dan syarat ini dengan Bank yang mana Bank akan menguruskan wang Saya/Kami dan melaburkan wang tersebut dalam perniagaan Bank sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari masa ke masa. ("Usahaniaga"). Perjanjian ini adalah atas dasar mandat Mudarabah yang tidak terhad, yang mana Bank akan menguruskan wang Saya/Kami dalam Akaun Pelaburan Mudarabah mengikut kemahiran dan kepakarannya tanpa sebarang campur tangan mahupun apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu yang dikenakan oleh Saya/Kami. Keuntungan (jika ada) yang disytiharkanh oleh Bank, akan dikongsi di antara Pelanggan dan Bank mengikut fasal (c) seperti di bawah.

(g) Saya/Kami bersetuju bahawa sebarang keuntungan daripada Akaun Pelaburan Mudarabah hendaklah dibayar berasaskan PSR dan menurut terma dan Syarat Khusus yang dinyatakan oleh Bank. Makluman ke atas sebarang perubahan kepada PSR adalah dianggap telah sampai kepada pengetahuan saya/kami setelah ia dipaparkan di cawangan/premis Bank atau setelah diposkan kepada Saya/Kami ke alamat terakhir Saya/Kami yang didaftarkan dengan Bank, atau telah diiklankan oleh Bank atau dengan apa sahaja cara yang difikirkan sesuai oleh Bank. Perubahan PSR mungkin terhad kepada akaun tertentu sahaja atau tertakluk kepada baki minimum dalam akaun. Pengekalan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami adalah dianggap sebagai penerimaan Saya/Kami terhadap kadar semasa PSR.

(h) Saya/Kami bersetuju bahawa pemberian hibah (hadiah) sama ada dalam bentuk kewangan, barangan dan/atau lain-lain bentuk adalah berdasarkan budi bicara multak pihak Bank semata-mata pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dan pihak Bank tidak mempunyai obligasi untuk memberi hibah kepada saya/kami. Hibah tersebut mungkin diberikan dan dimasukkan ke dalam Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami atau mana-mana akaun atau melalui apa-apa cara yang dirasakan sesuai oleh pihak Bank.

**1. Pembukaan Akaun**

1.1 Pembukaan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan Syarat Khusus, dan Saya/Kami dengan ini mengesahkan persetujuan Saya/Kami untuk mematuhi dan terikat dengan Terma dan Syarat ini dan Syarat Khusus itu bagi tempoh berkuat kuasa yang boleh diubah atau dipinda dari masa ke masa oleh Bank dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

1.2 Pembukaan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami adalah tertakluk kepada peraturan Bank termasuk yang berhubung dengan peletakan minimum wang, umur dan referi bagi membuka Akaun Pelaburan Mudarabah.

1.3 Saya/Kami bersetuju bahawa kelulusan untuk permohonan bagi Akaun Pelaburan Mudarabah yang baharu dengan buku cek tertakluk pada syarat bahawa nama Saya/Kami tidak tersenarai dalam Sistem Maklumat Cek Tak Laku (*Dishonored Cheques Information System* ("DCHEQS") di Biro Kredit Bank Negara Malaysia.

**2. Pemberian Kuasa dan Permintaan**

2.1 Saya/Kami selanjutnya membenarkan dan meminta supaya Bank memenuhi dan mematuhi:-

(e) slip dan/atau borang pengeluaran yang ditetapkan dan/atau resit yang dikeluarkan oleh Bank atau permohonan untuk pengeluaran sama ada melalui arahan bertulis atau sebaliknya, dan/atau yang ditandatangani oleh Saya/Kami walaupun dokumen itu mungkin tidak disediakan oleh Saya/Kami untuk mengeluarkan sebahagian atau semua wang dalam mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami.

(f) arahan bertulis daripada Saya/Kami untuk untuk perlaksanaan , pelupusan dan urusan dengan mana-mana sekuriti, surat ikatan atau dokumen atau harta lain (termasuk peti keselamatan dan kandungannya) yang dipegang oleh Bank di bawah Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami sama ada dengan cara selamat atau jagaan selamat atau sebaliknya.

(g) Semua cek, draf, arahan bayaran, bil pertukaran atau nota janji hutang yang dinyatakan akan dikeluarkan, ditandatangani, diterima, diendorskan atau dibuat bagi pihak Saya/Kami yang disediakan, ditujukan kepada atau dibayar oleh Bank, sama ada Akaun Pelaburan Mudarabah saya dalam kredit atau debit atau mungkin terlebih had keluar atau sebaliknya.

(h) Tertakluk kepada fasal 5 di bawah, Saya/Kami berjanji untuk membayar apa-apa baki debit dalam mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah yang terlebih had keluar, apabila diminta oleh Bank, bersama-sama dengan apa-apa caj yang Bank dibenarkan untuk mengenakannya, dan boleh dikenakan mengikut budi bicara mutlaknya.

**3. Kemasukan dan Pengeluaran Wang**

3.1 Saya/Kami bersetuju dan berwaad bahawa setiap kemasukan wang hendaklah disertai slip kemasukan wang yang ditetapkan, borang dan/atau resit yang dikeluarkan oleh Bank dan mengemukakan apa-apa dokumen lain oleh Saya/Kami yang mungkin diperlukan oleh Bank. Resit yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika ia disahkan oleh mesin dan/atau melalui arahan lisan, diakui oleh pegawai Bank yang diberi kuasa dan/atau oleh saya/kami.

3.2 Saya/Kami bersetuju bahawa sebarang pengeluaran daripada Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami hendaklah dibuat:-

(a) oleh Saya/Kami secara peribadi dan hendaklah disertakan dengan slip pengeluaran yang ditetapkan atau apa-apa borang yang dikeluarkan oleh Bank dan/atau disertakan dengan buku akaun atau sijil dan mungkin tertakluk pembuktian identiti seperti yang dikehendaki oleh Bank; dan/atau

(b) melalui ATM, Saya/Kami dengan ini juga bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran wang melalui ATM hendaklah mengikut terma dan syarat yang diguna pakai kepada ATM sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(c) oleh Saya/Kami secara peribadi sama ada melalui arahan bertulis atau dengan cara lain dan/atau arahan bertanda tangan walaupun dokumen arahan itu mungkin tidak disediakan oleh Saya/Kami untuk mengeluarkan sebahagian atau semua wang dalam Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami. Setelah memasukkan dan/atau mengeluarkan wang itu, Saya/Kami bersetuju bahawa transaksi yang dilaksanakan itu adalah berdasarkan arahan bertulis Saya/Kami yang telah Saya/Kami perakui melalui tandatangan Saya/Kami dan hendaklah dianggap muktamad dan tidak boleh dipertikaikan, tertakluk kepada budi bicara Bank. .

3.3 Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa semua cek dan instrumen yang dijelaskan, atau apa-apa pindahan sama ada melalui pos secara telegraf atau elektronik, hanya diterima untuk pungutan sahaja, dan tidak boleh dikeluarkan sehingga hasil telah diterima oleh Bank, kecuali jika ada pengaturan/perjanjian khusus. Pihak Bank berhak untuk menolak kutipan cek dan instrumen kemasukan wang yang pada pendapat Bank adalah tidak mengikut kebiasaan atau yang telah diubah dalam apa jua cara walaupun perubahan itu telah ditandatangan balas oleh Saya/Kami.

3.4 Saya/Kami akan menanggung rugi Bank daripada kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat Bank menjamin apa-apa endorsemen, melunaskan apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Saya/Kami atau mana-mana pihak ketiga untuk pungutan dan setiap jaminan yang diberikan oleh Bank akan dianggap telah diberikan atas permintaan Saya/Kami.

3.5 Saya/Kami bersetuju bahawa selain Terma dan Syarat ini, Saya/Kami terikat selanjutnya dengan syarat yang tercetak pada buku simpanan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami atau risalah yang mengandungi terma dan syarat atau brosur atau kenyataan di belakang slip kemasukan wang yang dilampirkan pada sampul surat deposit cek dan/atau resit yang dikeluarkan oleh mesin deposit tunai atau cek atau ATMyang dibenarkan oleh Bank dan Syarat Khusus lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari masa ke masa dengan notis dua puluh satu
(21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

**4. Permohonan Buku Cek dan Terma-terma Berkaitan Cek**

4.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa semua permohonan buku cek hendaklah dibuat secara bertulis dalam borang yang ditentukan oleh Bank atau melalui permintaan bertulis. Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa cek boleh digunakan hanya untuk pengeluaran dalam Akaun Pelaburan Mudarabah yang ditetapkan oleh Bank dengan ciri-ciri buku cek atau apa-apa akaun pelaburan mudarabah lain yang boleh ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke masa.

4.2 Saya/Kami bersetuju bahawa selain Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam fasal B.1.1 di atas, Saya/Kami akan terus terikat dengan syarat- syarat yang tercetak pada kulit buku cek, slip kemasukan yang dilampirkan di belakang sampul surat deposit cek dan/atau resit yang dikeluarkan oleh mesin deposit cek yang dibenarkan oleh Bank.

4.3 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank berhak tetapi tidak terikat untuk membuat pengesahan selanjutnya bagi tandatangan selain membandingkannya dengan contoh tandatangan dan/atau mandat yang di beri kuasa oleh saya/kami kepada Bank. Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa Bank berhak untuk tidak melunaskan cek yang mana, pada pendapat Bank, mempunyai tandatangan yang berbeza daripada contoh dan/atau mandat yang diberikan kepada Bank atau tidak sama dalam apa jua cara. Tanpa menjejaskan keluasan makna yang disebut di atas, walau apa pindaan sekalipun tidak boleh dibuat pada cek dan Bank berhak untuk tidak melunaskan dan mengembalikan cek yang pada pendapat mutlak Bank mempunyai apa-apa bentuk pindaan (sama ada ditandatangani balas oleh saya/kami atau tidak).

4.4 Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa cek berpalang "Akaun Penerima Sahaja" hanya akan dibayar ke dalam akaun penerima yang dinyatakan. Cek berpalang “Akaun Penerima Sahaja” yang telah dibatalkan dengan sempurna dan ditandatangani oleh Saya/Kami mengikut spesimen tandatangan Saya/Kami boleh dibayar dalam bentuk wang tunai apabila Saya/Kami atau mana-mana pihak ketiga mengemukakannya untuk pembayaran dan Saya/Kami bersetuju bahawa Bank berhak mengenakan fi perkhidmatan terhadap Saya/Kami jika cek tersebut ditunaikan sewajarnya oleh mana-mana pihak ketiga.

4.5 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Saya/Kami hendaklah memastikan bahawa semua arahan untuk menahan pembayaran cek adalah secara bertulis dan mengandungi maklumat yang berikut (i) nombor cek, (ii) tarikh cek, (iii) nama penerima dan (iv) amaun cek, hanya akan berkuat kuasa hanya apabila diterima oleh Bank. Jika Saya/Kami adalah sebuah syarikat, arahan tahan pembayaran itu boleh diberikan oleh orang diberi mandat yang dibenarkan atau mana-mana pengarah, dan untuk persatuan atau pertubuhan perbadanan lain, arahan tahan pembayaran boleh diberikan oleh orang diberi mandat yang dibenarkan daripada presiden (atau setaraf) dan seorang lagi anggota jawatankuasa Bank, walau bagaimanapun, tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan atau ketinggalan dalam melaksanakan arahan tersebut.

4.6 Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa Bank berhak menurut budi bicara mutlaknya, untuk memutuskan sama ada hendak melayan atau tidak, arahan tahan pembayaran bagi cek kosong atau cek yang telah hilang, dicuri atau tersalah letak dan bahawa Bank berhak untuk tidak melayan arahan tahan pembayaran bagi cek yang telah dibayar sepenuhnya dan tidak boleh ditarik balik. Saya/Kami bersetuju bahawa semua arahan pemberhentian bayaran akan luput selepas tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh arahan tersebut. Saya / Kami selanjutnya mengakui bahawa Bank boleh mengenakan caj sedemikian sebagaimana yang ditetapkan olehnya dari semasa ke semasa berhubung dengan arahan tahan pembayaran itu.

4.7 Saya/Kami bersetuju bahawa semua cek akan tetap menjadi hak milik Bank dan apabila Akaun Pelaburan Mudarabah ditutup, semua bentuk cek yang dikeluarkan kepada Saya/Kami dan tidak digunakan, hendaklah dikembalikan oleh Saya/Kami kepada Bank dengan serta-merta.

4.8 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Saya/Kami hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dalam mengeluarkan cek untuk mencegah pemalsuan dan/atau apa-apa pemalsuan dan/atau apa-apa penipuan atau penggunaan tanpa kebenaran borang cek atau buku cek yang dikeluarkan kepada Saya/Kami. Jika apa-apa kehilangan berlaku kerana kegagalan Saya/Kami untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang tersebut sebelum ini atau untuk memastikan kecukupan dana, Bank hendaklah dikecualikan daripada, dan/atau ditanggung rugi sepenuhnya oleh saya/kami terhadap liabiliti bagi apa-apa kerugian yang timbul akibat apa-apa pemalsuan, penipuan, penggunaan tanpa kebenaran dan atau ketidakcukupan dana, yang menyebabkan cek tersebut tidak dilunaskan. Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan makna yang disebut di atas, Saya/Kami akan mengambil langkah berjaga-jaga yang berikut: -

(a) Berhubung dengan penjagaan, kawalan dan penggunaan borang pesanan cek dan buku cek, Saya/Kami akan memberitahu Bank dengan serta-merta, apabila mengetahui tentang kehilangan buku cek atau borang pesanan cek.

(b) Memastikan semua cek dikeluarkan sewajarnya bagi mencegah penambahan atau pindaan selepas cek itu dikeluarkan, dan khususnya semua ruang kosong hendaklah dilengkapkan. Semua pindaan pada cek termasuk yang dibuat menggunakan mesin taip elektronik atau pencetak cetak mestilah ditandatangani balas oleh orang yang diberi kuasa di bawah mandat yang diberikan kepada Bank dan Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya dan tanpa apa-apa liabiliti di pihaknya, tidak melunaskan cek yang telah dipinda walaupun pada hakikatnya pindaan tersebut ditandatangani balas oleh orang yang diberi kuasa di bawah mandat yang diberikan kepada Bank.

(c) Jika borang cek telah ditandatangani terlebih dahulu sama ada oleh seorang daripada orang yang diberi kuasa atau lebih di bawah mandat yang diberikan kepada Bank atau ditandatangani secara kosong oleh Saya/Kami dan diserahkan dengan tujuan membolehkan mana-mana orang menukarkannya kepada bil atau cek yang sah (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Bil Pertukaran 1949, seperti yang dipinda dari masa ke masa) orang tersebut hendaklah dianggap sebagai telah mendapat kebenaran penuh daripada Saya/Kami untuk melengkapkan mandat bagi pihak Saya/Kami dan bahawa Saya/Kami terhalang daripada menafikan bahawa cek tersebut telah dilengkapkan tanpa kebenaran atau daripada menimbulkan walau apa-apa tuntutan sekalipun bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Saya/Kami.

(d) Saya/Kami juga bersetuju untuk memastikan bahawa terdapat dana yang cukup dalam Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami sebelum mengeluarkan cek.

4.9 Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa semua cek tidak boleh dikeluarkan sehingga prosid telah diterima oleh Bank. Bank berhak untuk menolak pungutan cek yang pada pendapat Bank adalah tidak sama atau yang telah dipinda dalam apa jua cara walaupun pindaan itu telah ditandatangan balas oleh Saya/Kami.

**5. Lebihan sementara**

5.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa bagi overdraf/Cash Line-i yang dibenarkan oleh Bank untuk lebihan sementara yang dirancang, setiap prinsipal yang didahulukan oleh Bank mengikut budi bicaranya, Saya/Kami akan bayar di atas permintaan/pembayaran daripada Bank bersama-sama dengan, jika berkenaan, semua keuntungan, fi, komisen, caj bayaran lewat, diskaun dan caj bank lain seperti yang tertakluk dalam terma dan syaratnya.

5.2 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa bagi lebihan yang dibenarkan oleh Bank untuk lebihan sementara yang tidak dirancang, setiap jumlah yang didahulukan oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya, Saya/Kami akan bayar pada hari berikutnya kepada Bank berserta dengan, jika berkenaan, semua caj pembayaran lewat dan/atau apa-apa caj lain yang berkenaan.

**6. Perletakkan Mata Wang Asing**

6.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa akaun mata wang asing boleh dibuka dalam mata wang asing seperti yang ditetapkan oleh Bank melalui laman sesawang dan/atau premis Bank.

6.2 Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terdapat risiko kadar pertukaran yang wujud dalam perletakkan mata wang asing disebabkan oleh turun naik kadar pertukaran mata wang asing berbanding Ringgit Malaysia.

6.3 Bank dengan ini diberi kuasa untuk membuat apa-apa penukaran yang perlu pada kadar pertukaran mata wang asing Bank yang lazim dan Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk tidak membuat sebarang tuntutan terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung akibat daripada percanggahan di antara kadar pertukaran yang digunakan untuk penukaran tersebut.

6.4 Jika mana-mana mata wang yang mana Bank mesti membuat pembayaran tidak dapat diperoleh disebabkan oleh sekatan terhadap kebolehtukaran atau dipindah milik atau bencana alam (*Force Majeure)* atau apa-apa sebab sekalipun, maka Bank boleh membuat pembayaran dalam apa-apa mata wang lain pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank.

## C. AKAUN PELABURAN MUDARABAH UNTUK PELABURAN BERJANGKA

**1.1 Pembukaan Akaun**

(a) Pembukaan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami dengan tarikh matang yang ditentukan ("Pelaburan Berjangka") adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan Syarat khusus, dan Saya/Kami dengan ini bersetuju dan berjanji untuk mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat di dalam ini dan Terma-Syarat khusus yang berkuat kuasa pada masa ini yang boleh diubah atau dipinda oleh Bank dari semasa ke semasa.

(b) Pembukaan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami bagi Pelaburan Berjangka adalah tertakluk kepada peraturan Bank termasuk berkenaan dengan kemasukan minimum wang, dan umur yang diguna pakai bagi Pelaburan Berjangka.

**1.2 Kebenaran dan Permintaan**

(a) Saya/Kami seterusnya memberi kuasa dan meminta pihak Bank untuk memenuhi dan mematuhi:

a. slip pengeluaran yang ditetapkan dan/atau borang dan/atau resit dan/atau sijil yang dikeluarkan oleh Bank atau permintaan untuk pengeluaran sama ada melalui arahan bertulis atau dengan cara lain dan/atau ditandatangani oleh Saya/Kami walaupun dokumen itu mungkin tidak disiapkan oleh Saya/Kami untuk mengeluarkan apa-apa atau semua wang dalam mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami bagi Pelaburan Berjangka.

b. arahan bertulis Saya/Kami untuk perlaksanaan, , pelupusan atau urusan dengan sekuriti, surat ikatan atau dokumen atau harta lain yang dipegang oleh Bank di bawah Pelaburan Berjangka Saya/Kami sama ada melalui cagaran atau jagaan selamat atau sebaliknya.

**1.3 Kemasukan dan Pengeluaran Wang**

(a) Saya/Kami bersetuju dan berjanji bahawa setiap kemasukaan wang dalam Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami bagi Pelaburan Berjangka akan disertakan dengan slip kemasukan wang yang ditetapkan, borang, resit penerimaan dan/atau sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Bank. Penerimaan dan/atau perakuan yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika ia disahkan mesin dan/atau pengesahan dilakukan sebelum meninggalkan premis Bank. Untuk Akaun Pelaburan Mudarabah bagi Pelaburan Berjangka tanpa Sijil, Bank akan mengeluarkan slip perakuan sebagai bukti transaksi atau sebarang bentuk dokumen lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

(b) Saya/Kami bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran daripada Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami bagi Pelaburan Berjangka hendaklah dibuat: -

a. oleh Saya/Kami secara peribadi atau mereka yang dibenarkan dan hendaklah disertakan dengan slip pengeluaran yang ditetapkan atau apa-apa borang yang dikeluarkan oleh Bank dan/atau pengemukaan sijil dan boleh tertakluk kepada pengemukaan apa-apa bukti bagi tujuan untuk mengenal pasti sebagai mana yang dikehendaki oleh Bank; dan/atau

b. oleh Saya/Kami secara peribadi sama ada melalui arahan bertulis atau dengan cara lain dan/atau arahan yang ditandatangani walaupun arahan dan/atau dokumen itu mungkin tidak disediakan oleh Saya/Kami untuk mengeluarkan sebahagian atau semua wang dalam mana- mana Akaun Pelaburan Mudarabah bagi Pelaburan Berjangka. Apabila memasukkan dan/atau mengeluarkan wang itu, Saya/Kami bersetuju bahawa transaksi yang dilaksanakan berdasarkan arahan bertulis Saya/Kami yang diperakui oleh kami melalui tandatangan Saya/Kami hendaklah dianggap muktamad.

(c) Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa semua cek dan instrumen yang dijelaskan, atau apa-apa pindahan sama ada melalui pos secara telegraf atau elektronik, hanya diterima untuk pungutan sahaja, dan tidak boleh dikeluarkan sehingga hasil telah diterima oleh Bank, kecuali jika ada pengaturan/perjanjian khusus. Pihak Bank berhak untuk menolak kutipan cek dan instrumen kemasukan wang yang pada pendapat Bank adalah tidak mengikut kebiasaan atau yang telah diubah dalam apa jua cara walaupun perubahan itu telah ditandatangan balas oleh Saya/Kami.

(d) Saya/Kami akan menanggung rugi Bank daripada kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat Bank menjamin apa-apa endorsemen, melunaskan apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Saya/Kami atau mana- mana pihak ketiga untuk pungutan dan setiap jaminan yang diberikan oleh Bank akan dianggap telah diberikan atas permintaan Saya/Kami.

(e) Saya/Kami bersetuju bahawa selain Terma dan Syarat ini, Saya/Kami terikat selanjutnya dengan syarat yang tercetak pada buku simpanan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami atau risalah yang mengandungi terma dan syarat atau brosur atau kenyataan di belakang slip kemasukan wang yang dilampirkan pada sampul surat deposit cek dan/atau resit yang dikeluarkan oleh mesin deposit tunai atau cek atau ATM yang dibenarkan oleh Bank dan Syarat Khusus lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari masa ke masa dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

**1.4 Pengeluaran pra-matang**

4.1 Sekiranya Pengeluaran pra-matang Pelaburan Mudarabah sebelum tempoh matang, Saya/Kami bersetuju dengan peraturan-peraturan berikut (yang mana berkenaan) :

4.1.1 Deposit Berjangka Diperbaharui atau Diletakkan Sebelum 1 November 2018

(a) tiada keuntungan akan dibayar bagi apa-apa tempoh 1 bulan, 2 bulan atau 3 bulan Deposit Berjangka yang belum genap tempoh pemegangan penuh masing-masing;

(b) bagi Deposit Berjangka dengan tempoh melebihi 3 bulan, tiada keuntungan akan dibayar sekiranya Deposit Berjangka ditarik balik sebelum genap tempoh 3 bulan pertama;

(c) selain daripada keadaan yang disebutkan dalam (a) dan (b) di atas, hanya 50% daripada keuntungan terakru akan dibayar berdasarkan bilangan hari sebenar yang diletakkan.

Atau

4.1.2 Deposit Berjangka Diperbaharui atau Diletakkan Mulai 1 November 2018 :-

1. Untuk penarikan balik sebelum 1 Januari 2019, saya/kami bersetuju untuk terikat dengan syarat penarikan balik seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 4.6.1.
2. Penarikan Balik Mulai 1 Januari 2019

(a) Penarikan Balik Segera (Tanpa notis bertulis awal)

i) Tiada keutungan akan dibayar. Saya/Kami bersetuju untuk melepaskan keseluruhan hak saya/kami atas keuntungan yang dikontrakkan.

(b) Penarikan Balik (Dengan notis bertulis 31 hari awal)

i) Bank akan membayar 50% daripada keuntungan yang dikira berdasarkan tempoh bulan yang lengkap sehingga tarikh luput notis. Saya/Kami bersetuju untuk melepaskan hak ke atas keuntungan yang selebihnya yang dikontrakkan.

ii) Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa saya/kami tidak akan menarik balik peletakan sehingga tarikh luput notis.

iii) Bagi tujuan pembayaran wang pokok dan keuntungan yang terakru untuk penarikan balik, saya/kami bersetuju untuk membuka Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Mudarabah Investment Account dengan Bank.

iv) Saya/Kami bersetuju bahawa wang pokok dan keuntungan yang terakru akan dikreditkan oleh Bank ke Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Mudarabah Investment Account saya/kami yang ada di Bank pada hari ke tiga puluh dua (32)..

3. Syarat-syarat di atas tidak terpakai untuk penempatan 1 bulan. Pelanggan boleh menarik balik dana pada bila-bila masa dan akan menerima keuntungan terakru (jika ada) berdasarkan jumlah hari pelaburan.

**1.5 Arahan Pembaharuan**

(c) Saya/Kami dengan ini mengarahkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk memperbaharui Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami bagi perletakkan Pelaburan Berjangka selepas tamat tempoh setiap tarikh matang, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini. Bagi mengelakkan keraguan, Saya/Kami akan terus melantik Bank sebagai wakil Saya/Kami untuk menjalankan proses yang diperlukan untuk tujuan pembaharuan.

(d) Sekiranya sebahagian prinsipal telah dikeluarkan, pembaharuan untuk perletakkan wang pelaburan akan dilakukan berdasarkan kepada jumlah baki yang tinggal dalam akaun dengan tempoh dan pilihan pembayaran keuntungan yang sama selepas tamat setiap tarikh matang. Walau bagaimanapun, pembayaran keuntungan adalah berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan indikatif semasa.

**1.6 Terma-terma lain**

(a) Jika sijil Pelaburan Berjangka hilang, dicuri, musnah atau koyak, Bank boleh, atas permintaan Saya/Kami, mengeluarkan salinan sijil (salinan pendua) dengan syarat Saya/Kami menunjukkan kad pengenalan Saya/Kami atau apa-apa dokumen pengenalan lain yang diminta dan boleh diterima oleh Bank.

(b) Untuk akaun bersama, semua pemegang akaun bersama dikehendaki mengemukakan kad pengenalan atau apa-apa dokumen pengenalan lain yang diminta dan boleh diterima oleh Bank.

(c) Pengeluaran sijil salinan pendua itu hendaklah dikeluarkan dan disahkan oleh cawangan domisil yang mana Akaun Pelaburan Mudarabah bagi Pelaburan Berjangka itu diselenggara.

## D. AKAUN PELABURAN MUDARABAH DALAM NAMA BERSAMA ("AKAUN BERSAMA")

1.3 Sebagai tambahan kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk terikat dengan perkara yang berikut berhubung dengan Akaun Bersama: -

(a) Sekiranya Saya/Kami membuka Akaun Bersama dengan Bank, Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mengumpulkan cek dan instrumen lain yang dipunyai atau yang kena dibayar kepada salah seorang atau semua daripada kami untuk dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami, dan memenuhi semua permintaan untuk pengeluaran/debit apa-apa wang yang ada dalam kredit Akaun Bersama diberikan untuk atau berkenaan dengan Akaun Bersama tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk tidak mengambil cek yang disediakan menggunakan kedua-dua nama Saya/Kami dengan ungkapan (i) "dan/atau"; dan (ii) "atau" diletakkan di antara nama-nama kami, ke dalam mana-mana Akaun Bersama yang dimiliki oleh Saya/Kami.

(b) Sekiranya berlaku kematian, kebankrapan atau tidak siuman sama ada salah seorang/mana-mana daripada kami, apa-apa baki yang masih ada dalam kredit Akaun Bersama Saya/Kami boleh dibayar kepada pemegang Akaun Bersama itu yang masih hidup, tidak muflis atau tidak gila, tertakluk kepada mana-mana pematuhan berkanun (jika perlu) dengan undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa pada masa itu, atau apa-apa perintah mahkamah tertakluk kepada kerugian Bank yang perlu ditanggung oleh pihak yang masih ada terhadap apa-apa tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Bank akibat daripada Bank membuat apa-apa pembayaran.

(c) Tertakluk kepada hak-hak Bank yang dinyatakan di sini, sekiranya petisyen kebankrapan atau perintah muflis dikenakan terhadap salah seorang atau kami semua, Bank atas permintaan sama ada salah seorang atau mana-mana daripada kami, selagi Saya/Kami adalah pihak yang tidak ingkar, boleh membenarkan Saya/Kami mengikut budi bicara Bank untuk mengeluarkan wang daripada Akaun Bersama tersebut yang amaunnya hendaklah juga adalah mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.

(d) Sekiranya hanya seorang atau sebahagian daripada kami dan bukan semua orang diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Bersama, kuasa yang diberi kepada penandatangan yang diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Bersama adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut: -

a. Pengeluaran / debit apa-apa wang yang ada dalam kredit Akaun Bersama;
b. Penerusan dan penutupan Akaun Bersama;
c. Penggunaan mana-mana ATM dan PIN bagi Akaun Bersama;
d. Penggunaan apa-apa kemudahan yang disediakan oleh Bank untuk membayar bil-bil atau pemindahan dana daripada Akaun Bersama;
e. Penggunaan apa-apa perkhidmatan elektronik dari semasa ke semasa yang disediakan oleh Bank atas terma dan syarat dan pembayaran semua fi, kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengannya daripada Akaun Bersama;
f. Memberikan apa-apa arahan tetap untuk pembayaran dari Akaun Bersama;
g. Peruntukan mana-mana indemniti bertulis yang dikehendaki oleh Bank berkenaan dengan pengendalian Akaun Bersama atau mana- mana perkara di atas; dan
h. Secara umumnya kuasa untuk memohon, membatalkan, mengubah suai atau sebaliknya terhadap segala perkara yang berhubung dengan mana-mana perkara yang tersebut di atas.

1.4 Jika Bank berasa ragu dengan apa-apa arahan yang diberikan oleh seorang atau lebih daripada kami berhubung dengan pengendalian Akaun Bersama, Bank berhak jika meminta pengesahan bertulis daripada kami sebelum menjalankan arahan tersebut tanpa dipertanggungjawabkan oleh mana-mana daripada kami dalam berbuat demikian.

1.5 Semua pemegang Akaun Bersama hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan atas semua urus niaga yang berlaku daripada apa-apa arahan berkenaan dengan Akaun Bersama tersebut. Sekiranya Bank menerima arahan yang bercanggah, Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat daripada semua pemegang Akaun Bersama dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan kerosakan yang oleh keengganan Bank untuk bertindak tanpa mandattersebut.

1.4 Pemegang Akaun Bersama hendaklah menanggung kerugian secara bersesama dan berasingan dan melindungi Bank daripada kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa-apa liabiliti dan pada bila-bila masa yang berbangkit daripada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pemegang Akaun Bersama.

## E.(I). AKAUN PELABURAN MUDARABAH YANG DIDAFTARKAN SEBAGAI AKAUN PERKONGSIAN ("AKAUN PERKONGSIAN")

1.2 Selain daripada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, kami juga dengan ini bersetuju untuk terikat dengan yang berikut: -

(a) Kami bersetuju bahawa kami hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan, terhadap semua liabiliti Akaun Perkongsian kami dan bahawa semua peruntukan yang mengawal Akaun Perkongsian dan perkhidmatan itu mengikat kami semua sebagai rakan kongsi secara bersama dan berasingan.

(b) Arahan dan mandat yang diberikan untuk pengendalian Akaun Perkongsian kami hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan dan mandat baharu dan hendaklah terpakai walau berlaku apa-apa perubahan dalam keanggotaan firma itu sama ada disebabkan oleh kematian, kebankrapan, persaraan atau sebaliknya, dan/atau penyertaan rakan kongsi baru, dan/atau penamatan mana-mana kuasa mana-mana rakan kongsi firma perkongsian tersebut. Sekiranya Akaun Perkongsian kami adalah Akaun Pelaburan Mudarabah dengan kemudahan perbankan lain, Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa selepas kematian salah seorang daripada kami, Bank berhak untuk membekukan operasi Akaun Pelaburan tersebut dan membuat keputusan mengenai tindakan seterusnya mengikut budi bicara mutlaknya.

(c) Tertakluk kepada fasal F (2.1) dan (2.2) di bawah, sekiranya mana-mana rakan kongsi firma itu diisyhtiharkan bankrap, Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, membenarkan pengeluaran wang daripada Akaun Perkongsian itu dalam amaun yang Bank fikirkan patut, atas permintaan kami atau salah seorang daripada kami, dengan syarat orang yang memohon itu bukanlah pihak yang bankrap. Bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada pematuhan (jika perlu) terhadap undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa pada masa itu, atau apa-apa perintah mahkamah.

**E.(II). AKAUN PELABURAN MUDARABAH DIDAFTARKAN SEBAGAI AKAUN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD ("AKAUN LLP")**

1.1 Selain syarat-syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, kami juga dengan ini bersetuju untuk terikat dengan yang berikut: -

(a) Kami bersetuju bahawa kami hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan terhadap semua liabiliti Akaun LLP kami dan bahawa semua peruntukan yang mentadbir Akaun dan perkhidmatan LLP dengan ini akan mengikat kami semua sebagai rakan kongsi libiliti terhad secara bersesama dan berasingan .

(b) Berkenaan dengan mana-mana Akaun LLP yang dibuka dan disenggarakan oleh suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah *Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012*, Bank dengan ini diberi kuasa untuk meneruskan operasi Akaun LLP walau apa pun perubahan dalam keanggotaan firma perkongsian liabiliti terhad itu dengan kematian, kebankrapan atau persaraan atau sebagainya di kalangan rakan kongsi liabiliti terhad. Jika rakan kongsi berkenaan adalah penandatangan kepada Akaun Pelaburan Mudarabah, kami hendaklah dengan segera mengeluarkan arahan dan mandat baru kepada Bank untuk operasinya. Sebarang kegagalan untuk memberi sebarang arahan dan mandat baru akan memberi hak kepada Bank untuk menolak apa-apa permohonan untuk pengeluaran atau pemindahan wang dari Akaun LLP tersebut.

(c) Pihak Bank berhak untuk menghendaki agar Akaun LLP Saya/Kami yang diselenggarakan di bawah syarikat persendirian atau perkongsian ditutup dan Akaun LLP baru dibuka bagi perkongsian liabiliti terhad itu.

## F. TERMA DAN SYARAT AM

**1. Caj perbankan**

1.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk mengenakan bayaran bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada Saya/Kami pada kadar yang dimaklumkan oleh Bank kepada Saya/Kami dari semasa ke semasa seperti yang dipaparkan di cawangan / premis Bank atau diposkan kepada Saya/Kami di alamat terakhir Saya/Kami yang berdaftar dengan Bank atau seperti yang disiarkan di laman sesawang Bank atau diiklankan oleh Bank dengan apa-apa cara lain mungkin dianggap sesuai oleh Bank, atau jika pemberitahuan tersebut tidak diumumkan, pada kadar yang munasabah dengan dua puluh satu (21) hari notis terdahulu dari tarikh pelaksanaan. Semua caj perbankan apabila perlu dibayar hendaklah didebitkan dari Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami.

**2. Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah**

2.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank pada bila-bila masa berhak mengikut budi bicaranya, dan dengan atau tanpa apa-apa notis terdahulu kepada Saya/Kami, dan tanpa memberikan apa-apa sebab atau butirannya, menjalankan Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami atas tetapi tidak terhad kepada kejadian mana-mana peristiwa berikut: -

(a) apabila pihak Bank diberitahu atau menyedari bawasa saya/kami telah melakukan Perkara Ketaksolvenan dan/atau apabila pihak Bank diberitahu atau menyedari apa-apa notis di bawah Seksyen 466 (1) Akta Syarikat, yang dikemukakan terhadap saya/kami, sehingga Bank menerima arahan selanjutnya mengenai operasi Akaun Pelaburan Mudarabah dari Pegawai Pemegang Harta;

(b) apabila Bank diberitahu atau menyadari apa-apa Perkara Dalaman;

(c) apabila Bank diberitahu dan / atau diminta oleh Pihak Berkuasa untuk mematuhi Arahan Pihak Berkuasa;

(d) Apabila Bank mengesyaki apa-apa aktiviti penipuan berhubung dengan Akaun Pelaburan Mudarabah dan Bank mengikut pendapat penuh dan munasabahnya berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan Akaun Pelaburan Mudarabah didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau salah nyataan identiti;

(e) Jika Bank, Polis dan/atau Pihak Berkuasa menjalankan apa-apa penyiasatan ke atas apa-apa transaksi tidak sah atau transaksi disyaki tidak sah yang dijalankan melalui Akaun Pelaburan Mudarabah, penyalahgunaan atau disyaki apa-apa penyalahgunaan Akaun Pelaburan Mudarabah atau apa-apa transaksi fraud berhubung dengan Akaun Pelaburan Mudarabah termasuk tetapi tidak terhad kepada pendepositan cek yang saya/kami tidak berhak mendapat keuntungan;

(f) Menurut apa-apa laporan Polis yang dibuat terhadap saya/kami dan/atau berhubung dengan Akaun Pelaburan Mudarabah itu, oleh Bank atau mana-mana orang lain; dan sekiranya apa-apa kemudahan yang disediakan untuk saya/kami yang digunakan melalui Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami digantung atau ditamatkan walau atas apa-apa sebab sekalipun;

(g) Jika pemegang akaun meninggal dunia dan/atau penandatangan dibenarkan untuk mengendalikan akaun bagi perkongsian dan/atau Syarikat atau apa-apa entiti sah tertentu, Bank akan terus membekukan Akaun Pelaburan Mudarabah sehingga mandat baharu atau penandatangan dibenarkan yang baharu diberikan

kepada Bank;

(h) Apabila Bank mengetahui tentang apa-apa cek dan/atau instrumen kewangan dan/atau jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan Mudarabah adalah hasil daripada apa-apa instrumen dan/atau arahan yang dipalsukan dan/atau diubah dan/atau transaksi fraud, dengan atau tanpa penglibatan saya/kami;

(i) Apabila Bank mengetahui tentang aduan yang telah dibuat oleh pihak ketiga dengan Pihak Berkuasa lain bahawa Akaun Pelaburan Mudarabah telah digunakan untuk menjalankan apa-apa transaksi fraud dan/atau deposit dan/atau komplot dan/atau mencari deposit haram, dengan syarat budi bicara Bank untuk membekukan Akaun Pelaburan Mudarabah adalah menurut pendapat dan budi bicara penuhnya berdasarkan penyiasatan dalamannya sendiri atau maklumat yang diberikan kepadanya oleh Pihak Berkuasa;

(j) Berikutan keberhutangan saya/kami yang masih terhutang dengan Bank, tanpa mengambil kira kapasiti saya/kami sebagai pelanggan, pelangganbersama atau penjamin, untuk membolehkan Bank melaksanakan haknya untuk menolak selesai keberhutangan yang masih terhutang dengan Bank;

(k) Apabila Bank mengetahui tentang keupayaan mental saya/kami untuk menguruskan Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami adalah diragui;

(l) Setelah penguatkuasaan apa-apa syarat khas atau arahan pengawalseliaan yang diguna pakai bagi Akaun Pelaburan Mudarabah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jangka waktu, kekurangan wang tunai, bencana alam, sebarang krisis kewangan/ekonomi seperti kejatuhan pasaran saham atau pasaran harta, sebarang kegagalan operasi seperti litar pintas berskala besar atau kegagalan sistem; atau

(m) Yang mana kepentingan kami sebagai pemegang akaun akan terjejas teruk sekiranya urusan kewangan tidak digantung atau apabila penebusan dalam Akaun Pelaburan Mudarabah melebihi paras wang tunai bagi dana Akaun Pelaburan Mudarabah tersebut dan apabila Bank tidak dapat memenuhi keperluan penebusan Akaun Pelaburan Mudarabah atau dalam mana-mana keadaan yang mana pulangan daripada portfolio aset pendasar dalam Akaun Pelaburan Mudarabah bertukar negatif dan/atau apabila Bank perlu menyediakan mudah tunai ke dalam Akaun Pelaburan Mudarabah kerana kurang kecairan dalam aset Akaun Pelaburan Mudarabah dan kadar pasaran untuk pembiayaan adalah tinggi yang tidak seimbang yang boleh mengakibatkan kehilangan besar kepada pemegang Akaun Pelaburan Mudarabah atau apabila berlaku peristiwa seperti yang ditentukan oleh Bank dalam apa-apa cara sekali pun dari masa ke semasa.

2.3 Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah yang tersebut di atas hendaklah terhenti apabila berlaku tetapi tidak terhad kepada keadaan-keadaan berikut: -

(a) Berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan Insolvensi, Saya/Kami hendaklah menunjukkan kepada Bank dengan memuaskan dengan bukti yang sesuai bahawa petisyen untuk penggulungan perniagaan atau untuk kebankrapan telah ditarik balik atau diketepikan secara sah atau permohonan telah ditolak atau dibatalkan oleh Mahkamah atau jika mana-mana satu atau lebih daripada seorang pengarah kami dihukum bankrap, Bank diberikan mandat baru mengenai perubahan penandatangan Akaun Pelaburan Mudarabah kami dan berpuas hati bahawa mandat baru itu diluluskan oleh lembaga pengarah, atau apabila Bank diberikan perintah mahkamah yang sewajarnya berkenaan kebenaran menghapuskan Pembekuan ke atas Akaun Pelaburan Mudarabah;

(b) Berkenaan dengan hal-hal dalaman Saya/Kami yang disebut dalam Fasal F (2.1)(b) di atas, apabila tuntutan-tuntutan tersebut telah diselesaikan antara semua pihak yang berkenaan dan suatu pernyataan secara bertulis atau resolusi lembaga atau resolusi daripada organisasi, badan-badan, jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditandatangani oleh semua pihak atau yang diluluskan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan kepada Saya/Kami atau dokumen perlembagaan Saya/Kami, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang meminta Bank untuk mengangkat Pembekuan ke atas Akaun Pelaburan Mudarabah, atau secara alternatif, Perintah Mahkamah disampaikan kepada Bank yang membenarkannya mengangkat Pembekuan ke atas Akaun Pelaburan Mudarabah;

(c) Berhubung dengan arahan pihak berkuasa, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa untuk menguatkuasakan pemansuhan Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah atau secara alternatif, satu Perintah Mahkamah yang wajar telah dikemukan kepada Bank yang membenarkannya pemansuhan Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah;

(d) Berkenaan dengan penyiasatan oleh Bank, Polis atau pihak berkuasa yang berkaitan, Bank berpuas hati bahawa tiada penyiasatan lanjut diperlukan atau Bank menerima pemberitahuan oleh Polis atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa siasatan itu telah dihentikan dan bahawa Akaun Pelaburan Mudarabah itu tidak lagi mempunyai apa-apa kaitan dengan apa-apa penyiasatan yang sedang dijalankan;

(e) Berkenaan dengan kematian pemegang akaun tunggal, apabila Bank menerima suatu pemberian probet atau surat kuasa mentadbir oleh wakil si mati atau apa-apa borang lain yang berkaitan di Pejabat Tanah dan/atau badan kelulusan yang lain bawah undang-undang yang berkaitan, yang berkuat kuasa pada masa itu, atau mandat baru dengan penandatangan baru yang diberi kuasa untuk mengoperasikan perkongsian dan/atau syarikat atau akaun entiti ini telah dikemukakan kepada Bank; dan

(f) Berkenaan dengan jumlah tunggakan yang masih terhutang kepada Bank, apabila Bank menguatkasakan haknya yang sah untuk menolak selesai jumlah tunggakan dengan baki dalam Akaun Pelaburan Mudarabah.

2.3 Dalam melaksanakan Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah menurut terma dan syarat termasuk apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh Bank seperti mengembalikan apa-apa cek atau instrumen lain sama ada yang didepositkan untuk kutipan atau pembayaran seperti yang diperuntukkan dalam dokumen ini, Saya/Kami bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin ditanggung oleh saya/kami dan/atau dituntut terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank (termasuk kos guaman berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) dan berhubung dengannya, saya/kami bersetuju selanjutnya supaya Bank ditanggung rugi sepenuhnya terhadap apa-apa tuntutan bagi ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, kos atau caj (termasuk fi guaman berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh mana-mana pihak.

2.4 Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa sekiranya Bank didakwa atau dijadikan sebagai pihak dalam apa-apa tindakan guaman yang timbul kerana tindakan Bank dalam Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah dalam dokumen ini atau jika Bank sebelum atau selepas Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah itu memulakan

apa-apa tindakan guaman terhadap mana-mana pihak termasuk Saya/Kami untuk apa-apa relif atau pengisytiharan yang sesuai dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, ganti rugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau selainnya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anak guam) yang boleh dikenakan kepada Bank atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank hendaklah ditanggung oleh Saya/Kami.

2.5 Saya / Kami seterusnya bersetuju bahawa semua cek atau instrumen lain yang dipulangkan atau ditolak oleh Bank sama ada untuk bayaran atau kutipan, akibat daripada Pembekuan Akaun Pelaburan Mudarabah hendaklah mengandungi atau disertai oleh catatan yang difikirkan sesuai oleh Bank dan Saya/Kami juga bersetuju bahawa Bank yang bertindak menurut apa-apa terma yang dinyatakan dalam fasal ini tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan dan/atau apa jua kos yang boleh dituntut terhadap Bank sekiranya berbangkit, termasuk tetapi tidak terhad kepada oleh sebab kenyataan bertulis yang mengiringi pemulangan cek atau instrumen lain atau atas alasan bahawa Bank telah tidak diberitahu mengenai peristiwa-peristiwa yang berkaitan yang dinyatakan di atas dalam fasal ini dengan alasan bahawa pemberitahuan itu adalah tidak teratur, tidak sah, salah, silap, tidak berkesan atau oleh sebab atau apa-apa alasan lain apa pun.

## 3. Arahan

3.1 Saya/Kami dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menerima dan bertindak atas arahan Saya/Kami tanpa rujukan dan tanpa perlu mendapatkan pengesahan daripada Saya/Kami, walaupun untuk menjalankan arahan yang mewujudkan keberhutangan pada Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami.

3.2 Saya/Kami mengaku janji untuk membayar apa-apa baki debit dalam mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah yang terlebih keluar apabila diminta oleh Bank berserta apa-apa keuntungan dan/atau bayaran yang mungkin dikenakan oleh Bank mengikut budi bicara penuhnya.

3.3 Arahan Saya/ Kami boleh diberikan kepada Bank secara bertulis (yang mesti memasukkan tandatangan kami) melalui ATM, telefon, dalam talian atau mana-mana cara lain yang boleh diterima oleh Bank.

3.4 Jika arahan pembayaran diberi melalui faks atau telefon kepada Bank, Bank berhak untuk menerima dan bertindak atas arahan tersebut jika Bank telah mendapat pengesahan mengenai arahan itu daripada Saya/Kami (atau daripada mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Saya/Kami) melalui panggilan semula ke nombor telefon di dalam rekod Bank atau melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.

3.5 Apabila Saya/Kami memberi arahan Bank untuk perkhidmatan yang diliputi dalam Terma dan Syarat ini dan/atau Terma Khusus, Saya/Kami perlu mengesahkan transaksi menggunakan prosedur keselamatan yang diperlukan oleh Bank.

3.6 Dalam kes yang mana Saya/Kami memberi kuasa kepada orang lain untuk mengarahkan pihak Bank untuk mendebitkan wang daripada Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang berhubungan dengan Arahan Tetap, Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank akan melayani setiap arahan daripada orang lain itu sebagai telah dibenarkan oleh Saya/Kami.

3.7 Bank boleh menolak untuk tidak mengikut arahan Saya/Kami jika:

(a) Bank mempercayai secara munasabah bahawa Saya/Kami tidak memberikan arahan kepada Bank; atau

(b) Bank secara munasabah mengesyaki aktiviti penipuan; atau

(c) arahan Saya/Kami tidak jelas, tidak lengkap atau tidak dalam bentuk yang dikehendaki; atau

(d) Bank berpendapat bahawa tandatangan yang mana arahan itu diberikan tidak sesuai dengan yang ada dalam rekod Bank; atau

(e) dalam melaksanakan arahan tersebut, Bank mungkin perlu bertindak secara bertentangan dengan undang-undang, peraturan, kod atau peraturan lain yang terpakai ke atas Bank dan/atau Saya/Kami; atau

(f) Bank mempunyai apa-apa sebab lain yang sah untuk tidak menurut arahan Saya/Kami, yang Bank boleh, tetapi tidak mempunyai obligasi untuk mendedahkan kepada Saya/Kami.

3.8 Walau apa pun di atas, saya/kami dengan ini membenarkan Bank untuk mengenakan syarat tambahan kepada mandat akaun perbankan saya/kami sekiranya berlaku sebarang Perkara Dalaman dan / atau Fasal 2.1 (d) di atas.

## 4. Perubahan Alamat, Tandatangan atau Maklumat

4.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa menjadi kewajipan Saya/Kami untuk memberitahu Bank dengan segera tentang apa-apa pertukaran alamat atau tandatangan atau butir-butir lain termasuk tetapi tidak terhad kepada jenis perniagaan yang diberikan kepada Bank dan pemberitahuan itu hendaklah secara bertulis dan disokong dengan apa-apa dokumen seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank, dan hanya berkuat kuasa apabila notis tersebut diterima oleh Bank. Semua komunikasi termasuk penyampaian apa-apa proses undang-undang yang dikirim melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir Saya/Kami yang terdaftar dengan Bank hendaklah dianggap sebagai telah diserahkan dan diterima sewajarnya oleh Saya/Kami.

4.2 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa: -

(a) Saya/Kami hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank tentang perubahan status Saya/Kami daripada sebuah syarikat persendirian atau perkongsian kepada perkongsian liabiliti terhad dan pemberitahuan tersebut hendaklah disokong dengan apa-apa dokumen seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank; dan pemberitahuan itu hanya berkuat kuasa apabila notis tersebut diterima oleh Bank; dan

(b) Bank berhak menolak untuk bertindak atas apa-apa arahan Saya/Kami berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah melainkan dan sehingga saya/kami telah mengemukakan semua dokumen yang dikehendaki oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada mandat baharu.

**5. Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS)**

5.1 Menurut garis panduan Bank Negara Malaysia tentang Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS), Saya/Kami dengan ini bersetuju dan mengakui kepada yang berikut bahawa:

(a) penggunaan cop getah/cop mohor persendirian pada cek tidak dibenarkan.

(b) pendebitan Akaun Pelaburan Mudarabah adalah berdasarkan kepada imej cek yang dikemukakan oleh bank pemungut.

(c) apa-apa permintaan untuk cek asal dikembalikan kepada saya/kami selepas pembayaran dibuat tidak akan dipertimbangkan oleh Bank. Jika dipertimbangkan sekalipun, Bank hanya memberikan imej cek dan bukan cek fizikal.

(d) untuk cek dikembali masuk , Bank tidak akan mengembalikan kepada Saya/Kami cek asal dan mungkin mengirimkan kepada saya/kami sama ada dokumen dikembali masuk (dengan salinan imej cek asal) atau notis cek tak laku dengan risiko dan perbelanjaan ditanggung oleh saya/kami.

5.2 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa pungutan cek asing adalah tertakluk pada semua kaedah, peraturan dan dasar yang terpakai untuk pungutan cek asing, sama ada terpakai untuk Bank, Bank ejen atau bank asing.

**6. Hak Bank Untuk Tidak Menerima Cek**

6.1 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk: -

(b) tidak menerima sebarang cek berpalang "akaun penerima" atau "a/c penerima" dengan atau tanpa ungkapan "sahaja" dibuat atasnama pihak ketiga yang didepositkan oleh Saya/Kami ke dalam Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami;

(c) tidak menerima cek yang disediakan dalam dua atau lebih nama penerima dengan ungkapan "dan" diletakkan di antara dua atau lebih nama untuk dimasukkan ke dalam mana-mana akaun individu yang dimiliki oleh mana-mana satu daripada penerima. Bagi mengelakkan keraguan, Bank boleh menerima cek seperti itu untuk dibayar ke dalam akaun bersama yang dipegang oleh SEMUA penama dalam cek tersebut;

(d) tidak menerima cek yang disediakan dalam dua atau lebih nama dengan ungkapan "dan/atau" diletakkan di antara dua atau lebih nama untuk dimasukkan ke dalam mana-mana Akaun Bersama penerima yang dinamakan atau mana-mana akaun individu kepunyaan salah satu daripada penerima;

(e) tidak menerima cek yang disediakan dalam dua atau lebih nama dengan ungkapan "atau" diletakkan di antara dua atau lebih nama yang dimasukkan ke dalam mana-mana akaun individu penerima atau ke dalam mana-mana Akaun Bersama yang dimiliki oleh penerima atau salah satu daripada penerima dengan mana-mana orang lain;

(e) tidak menerima cek bagi sebarang sebab mengikut budi bicara Bank dan Bank tidak perlu memberikan apa-apa alas an atas penolakan tersebut.

**7. Had Liabiliti**

7.1 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab bagi dan tertakluk kepada Fasal 7.8 dibawah, saya/kami hendaklah menanggung rugi Bank sepenuhnya dan melepaskan Bank daripada semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh saya/kami atau oleh Bank walau bagaimana sekalipun ia timbul berhubung dengan mana-mana atau semua Akaun Pelaburan Mudarabah termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank (walaupun arahan tersebut mungkin palsu atau tanpa kebenaran) atau jika mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami atau apa-apa bahagiannya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa rasmi.

7.2 Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa apabila Bank menanggung libiliti kerana atau atas permintaan saya/kami, Bank hendaklah mempunyai lien ke atas apa-apa dana, sekuriti, wang yang masih terhutang kepada saya/kami dan barang berharga lain, yang didepositkan dengan Bank atau yang akan didepositkan dengan Bank (sama ada didepositkan sebagai sekuriti, jagaan selamat atau untuk apa-apa tujuan tertentu yang lain), milik saya/kami, dan melainkan jika dengan nyatanya diperuntukkan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan (yang termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau kaedah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan), Bank berhak menyimpan dana, wang atau sekuriti tersebut dan barang berharga lain atau arahan bertulis saya/kami untuk mengeluarkan apa-apa wang daripada akaun tersebut atau mana-mana bahagiannya, malah tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan atau apa-apa pengeluaran yang saya/kami buat daripada Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami sehingga liabiliti tersebut dijelaskan.

7.3 Melainkan dengan nyatanya diperuntukkan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan (yang termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau kaedah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan), saya/kami dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan sekali-kali bertanggungan terhadap apa-apa kehilangan untung, kehilangan perniagaan, kehilangan penggunaan, kehilangan nama baik, kehilangan simpanan atau ganti rugi turutan, khas, sampingan, tidak langsung, teladan atau hukuman lain yang saya/kami tanggung kecuali jika kerugian itu disebabkan salah laku, kecuaian atau pelanggaran mana-mana terma tertentu di pihak Bank.

7.4 Tanpa menyentuh apa-apa yang berlawanan dalam Terma dan Syarat ini, keseluruhan liabiliti Bank menurut dokumen ini, walau dengan apa cara sekali pun ia timbul (untuk mengelakkan keraguan, termasuklah liabiliti yang timbul daripada tindakan atau pengabaian mana-mana pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank) hendaklah terhad kepada kerugian langsung sebenar yang saya/kami tanggung (dengan syarat kerugian tersebut disokong dengan keterangan berdokumen yang saya/kami kemukakan kepada Bank) yang, dalam apa-apa kejadian, tidak boleh melebihi jumlah transaksi yang dipertikaikan (termasuklah apa-apa keuntungan padanya, jika berkenaan).

7.5 Saya/Kami seterusnya bersetuju akan bertanggungan terhadap dan menanggung rugi Bank bagi semua tuntutan yang dibuat terhadap Bank dan semua penalti, caj, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya termasuklah kos atas rundingan peguam cara dengan klien) yang ditanggung oleh Bank akibat:

(a) saya/kami melanggar Terma dan Syarat ini;

(b) saya/kami melakukan penipuan;

(c) saya/kami mendedahkan Butiran Keselamatan kepada mana-mana orang lain atau dalam apa-apa e-mel atau di laman web yang bukan milik Bank;

(d) kegagalan saya/kami mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan Butiran Keselamatan dirahsiakan dan/atau selamat pada setiap masa;

(e) kegagalan saya/kami untuk melaporkan pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut seberapa segera yang mungkin sebaik sahaja menyedari tentang pelanggaran atau kehilangan itu;

(f) bank yang mengeluarkan mandat yang sah yang diminta oleh saya / kami;

(g) bank yang menguatkuasakan mana-mana haknya terhadap saya / kami;

(h) Bank yang mematuhi mana-mana keperluan kawal selia; dan/atau;

(i) Bank mematuhi apa-apa penghakiman Mahkamah atau apa-apa Perintah Mahkamah, atau apa-apa dekri atau arahan atau perintah sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak, yang dikeluarkan oleh mana-mana badan tribunal, entiti yang ditubuhkan secara sah atau pihak berkuasa, yang timbul daripada apa-apa tindakan Mahkamah atau prosiding Mahkamah atau daripada apa-apa prosiding, tindakan atau tuntutan lain selain oleh Mahkamah dan yang terpakai untuk atau ditujukan kepada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan saya/kami, dan/atau Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami dan atau mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami yang lain walau apa pun jenisnya ,yang disenggara dengan Bank, dan/atau apa-apa maklumat, butiran atau perkara yang terkandung dalam mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah yang tersebut sebelumnya.

7.6 Sebagai lanjutan peruntukan fasal ini, saya/kami bersetuju bahawa apa-apa pengesahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pengurus atau pegawai Bank untuk membuktikan jumlah yang perlu ditanggung rugi hendaklah dianggap sebagai terakhir, mengikat dan muktamad terhadap saya/kami. Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa Bank boleh, selain apa-apa hak lain yang ada terhadap saya/kami, mendebit atau menolak jumlah tersebut daripada Akaun Pelaburan Mudarabah tanpa memberikan notis terdahulu kepada saya/kami.

7.7 Saya/Kami juga selanjutnya bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa jua bentuk bagi sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau kesan reputasi yang dialami oleh Saya/Kami yang disebabkan oleh sebarang kelewatan dalam pelaksanaan atau ketidaklaksanaan mana-mana kewajipan Bank kerana apa jua alasan di luar kawalan munasabah Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada sebab-sebab seperti kerosakan komputer, peralatan elektronik dan ketiadaan bekalan elektrik bagi sebarang tempoh.

7.8 Tanggung rugi yang diperuntukkan di atas tidak terpakai kepada perbankan elektronik, transaksi debit terus dan tanpa kad yang dibenarkan untuk dilakukan oleh Bank, setakat kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung yang timbul daripada:

(a) kegagalan Bank untuk memaklumkan saya/kami tentang obligasi saya/kami untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan Butiran Sekuriti saya/kami, serta obligasi saya/kami untuk memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku pelanggaran, pendedahan atau kompromi perkara tersebut;

(b) kegagalan Bank untuk menyediakan kepada saya/kami cara yang sewajarnya untuk memaklumkan Bank tentang apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan atau yang dipertikaikan;

(c) kerosakan teknikal atau kekurangan yang terbukti dalam sistem dan kelengkapan di bawah kawalan penuh Bank;

(d) kelemahan atau kerentanan yang terbukti dalam ciri keselamatan dan kawalan yang diguna pakai oleh Bank;

(e) transaksi yang dijalankan selepas saya/kami memaklumkan Bank tentang transaksi yang tidak dibenarkan atau tentang pelanggaran, pendedahan atau kompromi apa-apa Butiran Sekuriti dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut bukan disebabkan oleh tindakan saya/kami;

(f) transaksi yang dijalankan sejurus sebelum saya/kami memaklumkan Bank tentang transaksi yang tidak dibenarkan atau tentang pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut bukan disebabkan oleh tindakan saya/kami, dan pemberitahuan tersebut dibuat dengan segera dan serta-merta;

(g) transaksi yang dijalankan sebelum saya/kami menerima apa-apa Butiran Keselamatan berkaitan dengan akses dan penggunaan Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami; dan/atau

(h) Butiran Keselamatan yang dipalsukan, rosak, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat perkara tersebut bukan disebabkan oleh tindakan atau pengabaian saya/kami sendiri.

**8. Hak untuk Penolakan Selesai**

8.1 Saya/Kami bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada apa-apa lien am atau hak serupa yang dengannya Bank sebagai jurubank berhak mengikut undang-undang, Bank boleh, pada bila-bila masa setelah memberikan tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terlebih dahulu kepada saya/kami, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami dan menolak atau memindahkan apa-apa jumlah wang yang masih belum dikreditkan ke dalam mana-mana atau semua Akaun Pelaburan Mudarabah untuk menjelaskan apa-apa liabiliti saya/kami kepada Bank, sama ada liabiliti tersebut kepada Bank datang dari dalam Malaysia atau luar negara atau utama atau sampingan atau berasingan dan bersesama, walaupun liabiliti tersebut dalam mata wang yang berbeza daripada Akaun Pelaburan Mudarabah dan sekiranya liabiliti tersebut dalam mata wang asing, saya/kami dengan ini bersetuju dan membenarkan Bank melaksanakan apa-apa pertukaran yang perlu, pada kadar pertukaran Bank sendiri yang pada waktu itu lazim atau bagi wang seumpamanya yang telah tersilap bayar ke dalam Akaun

Pelaburan Mudarabah saya/kami oleh Bank atau mana-mana pihak ketiga yang lain. Seterusnya, setakat liabiliti saya/kami kepada Bank adalah luar jangka atau masa hadapan, liabiliti Bank kepada saya/kami untuk membuat pembayaran bagi apa-apa jumlah wang yang masih belum dikreditkan ke dalam mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami hendaklah, setakat yang diperlukan untuk menanggung liabiliti tersebut, digantung sehingga berlakunya kejadian luar jangka atau masa hadapan tersebut.

Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa hak dan kuasa Bank di bawah Fasal ini tidak akan terjejas oleh kematian saya/kami, kebankrapan, Insolvensi, komposisi dengan pemiutang lain atau apa-apa prosiding undang-undang terhadap saya/kami.

**9 Hak Bank untuk Debit Akaun Pelaburan Mudarabah**

9.1 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mendebitkan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami dengan notis bertulis, apa-apa jumlah wang yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami sekiranya Bank mempunyai sebarang syak wasangka yang mana-mana instrumen telah diubah suai, arahan atau transaksi palsu sama ada dengan/tanpa penglibatan Saya/Kami atau bagi apa-apa jumlah wang yang terhutang dan kena dibayar kepada Bank untuk apa-apa sebab sekalipun.

9.2 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menahan dan/atau mendebitkan Akaun Perbankan saya/kami dengan cara yang dianggap sesuai oleh bank, apa-apa jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Perbankan saya/kami apabila diminta untuk berbuat demikian melalui mana-mana perintah mahkamah.

9.3 Saya / Kami bersetuju bahawa untuk pembayaran atau pemindahan yang saya / kami buat atau terima melalui mana-mana saluran dari rangkaian yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn.Bhd (“Paynet”), ianya akan diproses di bawah peraturan dan prosedur operasi Paynet ("Peraturan" secara kolektif). Saya / kami mengakui bahawa untuk apa-apa pindahan atau pembayaran yang dipertikaikan (misalnya disebabkan oleh kesilapan, maklumat yang salah atau mengelirukan atau disebabkan penipuan), Bank akan mematuhi Peraturan-Peraturan dan akan melaksanakan hak-hak yang termaktub dalam Peraturan termasuk mendebitkan jumlah yang dipertikaikan dari Akaun Perbankan saya /kami dan menghantar semula kepada pemindah jika saya / kami gagal untuk menyokong/mengesahkan pemilikan saya / kami atas amaun tersebut. Bank juga mempunyai hak untuk memperuntukkan amaun yang dipertikaikan setelah pertikaian itu di ketahui. Saya / Kami bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab kepada saya / kami untuk sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh saya / kami berhubung dengan Peraturan-Peraturan yang dipatuhi oleh Bank.

**10 Penutupan Akaun Pelaburan Mudarabah**

10.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa saya/kami boleh menutup Akaun Pelaburan Mudarabah pada bila-bila masa dengan memberi Bank notis bertulis. Bank juga juga boleh menutup Akaun Perbankan saya/kami dengan memberikan notis empat belas (14) hari kalendar secara bertulis terlebih dahulu.

10.2 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk:-

(a) menutup Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami secara automatik jika tiada deposit dimasukkan dalam akaun berkenaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh akaun ini didaftarkan.

(b) menutup Akaun Perbankan dengan serta-merta:

- (i) jika nama saya/kami tersenarai dalam mana-mana makluman dan amaran dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa;
- (ii) jika saya/kami melanggar Terma dan Syarat ini dengan ketara;
- (iii) jika Bank diarahkan oleh Pegawai Pemegang Harta, penyelesai atau penerima dan pengurus untuk berbuat demikian;
- (iv) jika Bank berpendapat dengan munasabah bahawa pengekalan Akaun Perbankan tersebut adalah bertentangan dengan polisi Bank; dan/atau
- (v) bagi mematuhi apa-apa undang-undang, Undang-undang Sekatan, polisi, garis panduan atau peraturan BNM, Pihak Berkuasa atau Bank.

10.3 Dalam hal penutupan Akaun Pelaburan Mudarabah bagi Fasal F 10.2 di atas, Bank akan menggunakan budi bicara yang sewajarnya bagi menentukan sama ada notis penutupan akan diberikan kepada saya/kami atau tidak.

10.4 Dalam hal penutupan Akaun Perbankan, Bank boleh, tetapi tidak mempunyai obligasi untuk mendedahkan alasan bagi penutupan, kecuali penutupan itu dikehendaki oleh undang-undang.

**11 Deposit Cek Melalui Mesin Deposit atau Peti Deposit**

11.1 Saya/Kami dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menerima cek ke dalam Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami yang dimasukkan melalui mesin deposit cek/peti deposit cek segera yang disediakan oleh Bank disertai dengan sampul surat yang ditetapkan dan/atau borang penempatan yang disediakan oleh Bank (jika berkenaan). Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa apa-apa resit yang dicetak oleh mesin deposit cek hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bahawa cek itu telah disimpan di mesin tersebut dan bahawa Saya/Kami tidak akan menjadikan pihak Bank bertanggungjawab kepada Saya/Kami jika ada cek yang tidak tidak dimasukkan ke dalam sampul yang ditetapkan itu atau borang deposit itu tidak diisi sepenuhnya dengan maklumat yang berkaitan atau jika borang yang ditetapkan itu salah diisi dengan nombor akaun dan nama yang tidak betul atau sebaliknya atau jika nombor akaun , nama atau jumlah yang salah dimasukkan pada peti deposit cek mesin deposit cek segera.

11.2 Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa jika cek yang didepositkan melalui mesin deposit cek atau peti deposit cek pantas, jika berkenaan, sebagai Ketaksamaan, maka Bank berhak melaksanakan budi bicara mutlaknya untuk sama ada memungut cek tersebut atau tidak.

11.3 Jika Bank melaksanakan budi bicaranya untuk memungut cek tersebut yang mengandungi Ketaksamaaan yang disebut sebelum ini, hasil cek tersebut yang dipungut oleh Bank boleh dikreditkan ke dalam Akaun Pemiutang Rampai yang diselenggarakan oleh cawangan Bank masing- masing. saya/kami selanjutnya bersetuju bahawa hasil yang dipungut di bawah cek tersebut hendaklah diselenggara dalam Akaun Pemiutang Rampai sehingga suatu masa saya/kami membuat tuntutan bagi amaun masing-masing yang perlu dibayar kepada Saya/Kami di bawah cek tersebut DENGAN SYARAT saya/kami mengemukakan bukti dan/atau dokumen yang memuaskan Bank.

11.4 Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa Bank berhak meminta apa-apa dokumen dan/atau bukti tambahan seperti yang dianggap sesuai oleh Bank daripada Saya/Kami sekiranya berlaku ketidakpatuhan tersebut.

**12 Pemindahan Dana Dari Akaun Pelaburan Mudarabah**

12.1 Jika Saya/Kami memindahkan mana-mana dana daripada mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami kepada mana-mana Akaun Perbankan Saya/Kami atau ke mana-mana Akaun Perbankan milik pihak ketiga, Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa amaun tersebut akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami apabila selesai transaksi dan dianggap telah dipindahkan kepada Akaun Perbankan yang menerima dan bahawa Saya/Kami tidak berhak untuk meminta Bank membayar balik atau mengkredit balik Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami walau atas apa-apa sebab sekalipun.

**13 Telekomunikasi**

13.1 Tertakluk kepada Fasal F.7 di atas:

(a) Saya/Kami bersetuju bahawa atas permintaan saya/kami, Bank diberi kuasa untuk memberikan maklumat berkaitan dengan akaun saya/kami, kadar tukaran atau kadar keuntungan (tertakluk kepada turun naik) atas budi bicaranya melalui telefon, teleks atau faksimili. Maklumat atau kadar yang diberi melalui telefon tidak akan mengikat Bank melainkan disahkan kemudiannya oleh Bank secara bertulis;

(b) Saya/Kami memberi kuasa kepada Bank untuk menghantar apa-apa maklumat akaun, kemas kini dan peringatan berkaitan dengan akaun atau transaksi saya/kami melalui sistem pesanan ringkas ("SMS") ke nombor telefon saya/kami atau melalui e-mel ke alamat e-mel saya/kami yang saya/kami beri kepada Bank, termasuklah apa-apa pengemaskinian lain yang mungkin disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

13.2 Bank dibenarkan untuk bergantung pada dan bertindak atas pengesahan yang diterima oleh Bank daripada saya/kami tentang apa-apa maklumat yang diminta melalui telefon ("Pengesahan Telekomunikasi") dan saya/kami bersetuju bahawa Bank dibenarkan untuk menganggap apa-apa Pengesahan Telekomunikasi, yang Bank, atas budi bicara mutlaknya, percaya diperoleh daripada saya/kami, sebagai dibenarkan sepenuhnya daripada saya/kami serta untuk bergantung pada dan bertindak atasnya, dan pihak Bank tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian yang saya/kami tanggung jika Arahan Telekomunikasi tersebut pada hakikatnya bukan daripada saya/kami.

13.3 Saya/Kami bersetuju untuk menanggung rugi Bank daripada semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan walau apa pun jenis yang mungkin dialami, ditanggung atau dikenakan, akibat tindakan Bank secara jujur terhadap Pengesahan Telekomunikasi tersebut. Tanggung rugi ini hendaklah berterusan walaupun berlakunya apa-apa pembatalan kebenaran, penamatan apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan apa-apa akaun.

13.4 Bank boleh, atas budi bicaranya, memperkenalkan langkah keselamatan seterusnya untuk memastikan, sedapat yang mungkin, saya/kami membenarkan Pengesahan Telekomunikasi tersebut.

**14 Penyata Akaun**

14.1 Penyata baki Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami akan diberikan kepada saya/kami melalui saluran/cara elektronik. Saya/Kami mengakui bahawa Saya/Kami masih boleh mendapatkan salinan cetak penyata tersebut dengan membuat permohonan di mana-mana cawangan Maybank atau terminal layan diri. Walau bagaimanapun, jika Saya/Kami membuat permohonan untuk salinan cetak tambahan penyata tersebut, caj akan dikenakan dan ditentukan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bank. Amaun Caj akan dipaparkan di cawangan-cawangan Bank/premis atau diiklankan di lawan web Bank sewajarnya sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bank. Saya/Kami memahami bahawa penyata akaun simpanan dihasilkan pada setiap suku tahun manakala penyata akaun semasa dihasilkan secara bulanan.

14.2 Saya/Kami bersetuju untuk memeriksa semua amaran dan penyata berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami tepat pada masanya dan mengaku janji untuk memaklumkan Bank dengan serta-merta tentang apa-apa kesilapan, perkara yang di luar aturan, perselisihan tuntutan atau debit atau perkara yang tidak dibenarkan, sama ada yang dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuaian atau selainnya oleh mana-mana orang walau apa pun.

14.3 Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa sekiranya saya/kami gagal memaklumkan Bank secara bertulis tentang saya/kami tidak menerima amaran dan/atau penyata itu dan seterusnya untuk mendapatkan amaran dan/atau penyata tersebut daripada Bank, atau gagal memaklumkan Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, perselisihan, perkara di luar aturan atau tuntutan, debit atau transaksi yang tidak dibenarkan dalam amaran dan/atau penyata itu dalam tempoh dua puluh (21) hari dari tarikh amaran dan/atau penyata itu (sama ada saya/kami menerimanya atau tidak), maka rekod pada amaran dan/atau penyata itu akan menjadi keterangan muktamad bahawa transaksi yang dinyatakan dalam amaran dan/atau penyata itu telah dilaksanakan sewajarnya dan saya/kami akan dianggap secara muktamad telah menerima semua perkara yang terkandung dalam amaran dan/atau penyata sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang transaksi itu yang dibawa ke perhatian Bank selepas tempoh dua puluh satu (21) hari tidak akan dilayan oleh Bank. Apa-apa pindaan selepas itu pada amaran dan/atau penyata tersebut adalah atas budi bicara mutlak Bank.

14.4 Saya/Kami bersetuju bahawa semua penyata akaun dan apa-apa dokumen lain yang mungkin berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami hendaklah disimpan oleh Bank mengikut polisi penyimpanannya sendiri.

**15. Kaedah dan Peraturan Badan Kawal Selia**

15.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa selain dan tanpa menjejaskan mana-mana Terma dan Syarat dalam dokumen ini, Terma dan Syarat dalam dokumen ini hendaklah dikawal oleh dan tertakluk pada kaedah, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan dari masa ke masa oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank Islam di Malaysia, dan badan berkaitan lain yang dibuat menurut undang-undang yang terpakai. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa ketersediaan dan ketersediaan berterusan apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank kepada saya/kami pada masa ini dan/atau selepas ini, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa ditawarkan oleh Bank kepada saya/kami adalah bergantung pada dan tertakluk pada kaedah, peraturan, dan garis panduan tersebut dan bahawa sekiranya berlaku ketidakselarasan antara Terma dan Syarat yang terkandung di dalam kaedah, peraturan kawal selia dan garis panduan Pihak Berkuasa yang berkaitan, yang terakhir akan terpakai setakat ketidakselarasan tersebut.

**16. Arahan Tetap dan Transaksi Bank**

16.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa apa-apa pembayaran atau pindahan dana yang akan dibuat atau dilaksanakan menurut apa-apa arahan tetap yang diberikan kepada Bank adalah tertakluk pada baki minimum yang disenggarakan dalam Akaun Pelaburan Mudarabah yang daripadanya dana akan dibayar atau dipindahkan

seperti yang mungkin dari masa ke masa ditetapkan oleh Bank.

16.2 Saya/Kami bersetuju selanjutnya bahawa semua transaksi yang dijalankan di Bank adalah tertakluk pada bukti pengenalan yang mungkin dikehendaki oleh Bank, mengikut budi bicara mutlaknya, dan hendaklah disahkan mengikut cara dan kaedah dan aturan lain yang mungkin dianggap sesuai oleh Bank dan menerima pakai dari masa ke masa termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenalan melalui cara pengesahan cap ibu jari secara manual, secara elektronik dan/atau digital atau apa-apa cara lain, aturan lain atau kaedah yang mungkin dianggap sesuai oleh Bank dan menerima pakai dari masa ke masa. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungan kepada Saya/Kami kerana bergantung pada mana-mana proses dan prosiding pengesahan tersebut untuk melaksanakan apa-apa transaksi perbankan tersebut.

16.3 Saya/Kami bersetuju bahawa dividen/keuntungan bagi Akaun Pelaburan Mudarabah hanya akan dibayar mengikut nisbah perkongsian keuntungan dan syarat seperti yang diiklankan atau dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan boleh dihadkan kepada Akaun Pelaburan Mudarabah tertentu atau tertakluk kepada baki minimum yag ada dalam akaun tersebut.

**17. Terma dan Syarat Khusus**

17.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa walau apa pun yang terkandung di sini, Terma dan Syarat yang mentadbir pengendalian apa-apa Akaun Pelaburan Mudarabah tertentu atau penggunaan mana-mana kad yang dikaitkan dengan mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami seperti yang terkandung dalam apa-apa dokumen lain yang digunakan berkaitan dengan tetapi tidak terhad kepada akaun atau kad, notis, buku simpanan Akaun Pelaburan Mudarabah atau resit Akaun Pelaburan Mudarabah atau sijil, risalah atau iklan Bank yang menyatakan apa-apa terma dan syarat tambahan sebagai yang terpakai, hendaklah diguna pakai dan sekiranya terdapat percanggahan, terma dan syarat yang tertera ini akan terpakai.

**18. Akaun akan datang**

18.1 Saya/Kami bersetuju bahawa terma dan syarat di atas, bersama-sama dengan apa-apa tambahan, pemotongan atau pindaan berikutnya, yang boleh dilakukan Bank dari semasa ke semasa, hendaklah terpakai bagi mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah masa akan datang.

**19. Perubahan Terma dan Syarat**

19.1 Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa Terma dan Syarat ini adalah tidak muktamad dan pihak Bank berhak untuk menambah, mengubah suai atau memotong mana-mana Terma dan Syarat di atas, dan apa-apa penambahan, pengubahsuaian atau pemotongan akan mengikat Saya/Kami dan mencukupi sebagai makluman kepada Saya/Kami sekiranya di paparkan di Bank atau di mana-mana cawangannya atau dikeluarkan di laman sesawang Bank atau diiklankan atau diberitahu melalui apa-apa cara lain yang Bank fikirkan sesuai mengikut budi bicaranya tanpa melanggar prinsip Syariah Bank dengan notis sebelum tarikh pelaksanaan. Semua Terma dan Syarat terdahulu adalah terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat ini.

**20. Perkenan Sah Terma dan Syarat**

20.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa dengan menandatangani borang permohonan Akaun Pelaburan Mudarabah, Saya/Kami telah bersetuju terhadap Terma dan Syarat Bank dan kepada mana-mana pindaan yang disediakan.

20.2 Sekiranya Saya/Kami tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, Saya/Kami dengan ini akan menutup Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami, memberitahu Bank secara bertulis mengenainya dan memulangkan semua dokumen berkaitan Bank dalam simpanan Saya/Kami dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis Saya/Kami.

20.3 Sekiranya Saya/Kami terus mengekalkan dan mengendalikan Akaun Pelaburan Mudarabah selepas tarikh kuat kuasa Terma dan Syarat tersebut, Saya/Kami hendaklah dianggap telah menerima Terma dan Syarat yang berkenaan dan Terma dan Syarat itu mengikat Saya/Kami secara muktamad.

**21. Hak Bank untuk Menolak Urus niaga**

21.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa walau apa jua yang terkandung di dalam terma ini yang berlawanan, Bank mempunyai hak mutlak untuk tidak menerima mana-mana penempatan apa-apa wang atau cek dan atau tidak membenarkan atau menjalankan apa-apa urus niaga lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pemindahan dan pemindahan telegraf wang daripada atau ke Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami tanpa memberikan sebarang alasan kepada Saya/Kami.

**22. Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Data Peribadi di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA")**

22.1 Saya/Kami bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, mengekalkan, menyimpan dan memegang data peribadi Saya/Kami kepada pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak ketiga/perbadanan yang disenaraikan seperti fasal 23.3 bawah. Walau bagaimanapun, Bank bersetuju untuk tidak mendedahkan kepada pihak ketiga data peribadi tersebut melainkan ia:

(a) mematuhi arahan atau permintaan yang dibuat oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia di bawah apa-apa undang-undang bertulis bagi tujuan menyiasat atau mendakwa kesalahan di bawah apa-apa undang-undang bertulis;

(b) dikehendaki oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di bawah seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat menurut pengaturan atau perjanjian percukaian yang berkuat kuasa di bawah seksyen 132 atau 132A Akta Cukai Pendapatan 1967;

(c) berkaitan dengan pelaksanaan apa-apa tugas penyeliaan oleh pihak berkuasa berkaitan di luar Malaysia yang menjalankan fungsi yang setara dengan Bank Negara Malaysia di bawah FSA;

(d) berkaitan dengan pengendalian fungsi terpusat, termasuklah audit, pengurusan risiko, kewangan atau teknologi maklumat atau apa-apa fungsi terpusat yang

lain dalam kumpulan syarikat Bank (jika berkenaan);

(e) berkaitan dengan pelaksanaan usaha wajar yang diluluskan oleh lembaga pengarah Bank berkenaan dengan percantuman dan perolehan, pelaksanaan untuk mengumpul modal atau penjualan aset atau keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan;

(f) untuk pelaksanaan fungsi Bank yang menggunakan perkhidmatan luar; dan /atau

(g) diperlukan untuk menjalankan dan menyempurnakan transaksi atau apa-apa arahan atau mandat lain yang saya/kami beri.

22.2 Saya/Kami juga membenarkan dan bersetuju agar Bank melakukan pemeriksaan kredit dan pengesahan maklumat yang saya/kami beri dalam permohonan saya/kami untuk Akaun Pelaburan Mudarabah atau perkhidmatan tersebut, dengan mana-mana biro kredit atau perbadanan yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpulkan dan menyediakan kredit atau maklumat lain.

22.3 Seterusnya dan tanpa menjejaskan Fasal 23.1 dan 23.2 di atas, saya/kami juga dengan ini dengan nyatanya membenarkan Bank mendedahkan keadaan kewangan saya/kami, butiran akaun, hubungan akaun dengan Bank termasuk baki kredit kepada: -

(a) kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia di Malaysia dan tempat lain, termasuk Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Cagamas Berhad, dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;

(b) entiti di bawah Kumpulan Maybank;

(c) pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada vendor penyumberan luar, peguam, penama, penjaga, depositori sekuriti berpusat atau pendaftar, ejen pungutan hutang, dan/atau bank pengantara/wakil ) kepada Bank;

(d) ejen, perunding dan penasihat profesional Bank;

(e) mana-mana pemegang serah hak Bank atau Kumpulan Maybank;

(f) mana-mana orang atau entiti lain yang pendedahan kepadanya dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, arahan atau permintaan kerajaan termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa permintaan oleh Polis atau mana-mana pegawai penyiasat lain yang menjalankan apa-apa siasatan; dan, melainkan

dan setakat yang mungkin ditentukan sebaliknya oleh Pihak Berkuasa berkaitan, saya/kami mengaku bahawa pendedahan tersebut diperlukan untuk memudahkan pelaksanaan dan fungsi Bank seperti yang dipertimbangkan dalam dokumen ini.

22.4 Bank boleh, tertakluk kepada pematuhan kaedah atau garis panduan kawal selia yang terpakai, menggunakan atau memanfaatkan apa-apa maklumat berkaitan dengan saya/kami yang dikumpul, disusun atau diperoleh oleh Bank melalui atau dengan apa jua cara dan kaedah untuk tujuan tersebut seperti yang ditentukan oleh Bank. Walau bagaimanapun, Bank tidak boleh berkongsi maklumat berkaitan dengan saya/kami dengan mana-mana syarikat lain dalam Kumpulan Maybank untuk tujuan penjualan silang produk dan perkhidmatan, yang saya/kami telah memilih keluar daripada perkara tersebut secara bertulis sama ada semasa pembukaan Akaun Pelaburan Mudarabah berkaitan atau selepas itu. Seterusnya, Bank hendaklah hanya mendedahkan maklumat saya/kami kepada pihak ketiga yang lain (di luar Kumpulan Maybank) untuk tujuan pemasaran dan promosi yang telah saya/kami pilih secara bertulis semasa pembukaan Akaun Pelaburan Mudarabah berkaitan atau pada bila-bila masa selepas itu.

22.5 Tertakluk kepada kebenaran nyata saya/kami, saya/kami dengan ini bersetuju bahawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank boleh menghubungi saya/kami dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa-apa kaedah komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon berhubung dengan apa-apa promosi produk atau perkhidmatan melainkan saya/kami mengemukakan bantahan secara bertulis.

22.6 Saya/Kami juga mengisytiharkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah benar, terkini dan tepat, dan jika terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini, maka saya/kami akan memaklumkan Bank dengan segera melalui notis bertulis. Saya/Kami mengaku bahawa Bank tidak akan bertanggungan terhadap dan saya/kami akan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang mungkin timbul akibat kegagalan atau kelewatan saya/kami untuk memberikan maklumat terkini kepada Bank tentang apa-apa perubahan pada maklumat saya/kami dan butiran berkaitan dengan saya/kami dan Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami.

## 23. Force Majeure

23.1 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Saya/Kami atau mana-mana pihak ketiga di atas sebarang kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, ganti rugi, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik jika: -

(c) Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah ini atau untuk menyediakan apa-apa perkhidmatan yang dianggap sebagai akibat dari Force Majeure; atau

(d) jika dana yang dikreditkan atau didebitkan dari Akaun Pelaburan Mudarabah menjadi tidak dapat diakses atau berkurang nilai disebabkan oleh *Force Majeure*.

23.2 Jika apa-apa mata wang yang mesti digunakan oleh Bank untuk membuat pembayaran tidak boleh didapati disebabkan oleh sekatan ke atas kebolehtukaran atau keteralihan atau *Force Majeure* atau apa-apa sebab sekalipun, Bank boleh membuat pembayaran dalam mata wang lain pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank.

**24. Kebolehasingan dan Penepian**

24.1 Jika mana-mana Terma dan Syarat didapati menyalahi undang-undang atau dilarang, ia tidak boleh dikuatkuasakan setakat bahagian Terma dan Syarat yang menyalahi undang-undang atau yang dilarang itu sahaja. Terma dan Syarat selebihnya tidak terjejas.

24.2 Apa-apa penepian atau kelonggaran yang diberikan tidak akan menghalang Bank daripada menguatkuasakan bahagian lain Terma dan Syarat yang tidak terjejas oleh penepian atau kelonggaran tersebut, atau hak lain atau menghendaki Bank memberikan kelonggaran selanjutnya. Hak dan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

**25. Undang-undang**

25.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia. Bank boleh memulakan prosiding terhadap Saya/Kami di Malaysia atau di tempat lain, tanpa mengambil kira tempat kediaman atau perniagaan saya atau tempat di mana Akaun Pelaburan Mudarabah diselenggara.

**26. Pengganti Terikat**

26.1 Terma dan Syarat ini adalah mengikat ke atas waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik dan pengganti jawatan dan orang yang ditugaskan oleh Bank. Saya/Kami tidak akan menyerahkan apa-apa hak dan kepentingan saya/kami dalam Akaun Pelaburan Mudarabah atau perkhidmatan itu. Kewajipan dan liabiliti Saya/Kami hendaklah diteruskan walaupun berlaku apa-apa perubahan melalui penyatuan, pembentukan semula atau selainnya dalam perlembagaan Bank.

**27. Prosedur Keselamatan**

27.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk menyimpan Butiran Keselamatan saya/kami berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah sebagai sulit dan rahsia, dan akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah pada setiap masa untuk mencegah penggunaan maklumat secara yang tidak dibenarkan atau menipu.

27.2 Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa saya/kami tidak boleh mendedahkan, mengkompromi, berkongsi atau dengan cara lain memberikan akses kepada Butiran Keselamatan saya/kami kepada mana-mana orang lain dan saya/kami tidak boleh merekodkan Butiran Keselamatan saya/kami, dalam apa jua cara yang boleh menyebabkannya diketahui oleh orang lain.

27.3 Jika:

(a) Butiran Keselamatan saya/kami (atau mana-mana bahagiannya) dilanggar, dikompromi atau dengan cara lain diakses oleh pihak ketiga, atas apa jua sebab; atau

(b) saya/kami kehilangan atau tersalah letak apa-apa Butiran Keselamatan tersebut (atau mana-mana bahagiannya); atau

(c) transaksi yang tidak dibenarkan telah dilakukan berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami;

saya/kami dengan ini mengaku janji bahawa saya/kami akan dengan segera dan serta-merta memaklumkan kepada Bank dan mengemukakan semua maklumat yang berkaitan seperti yang dikehendaki oleh Bank menurut Fasal 32 dalam dokumen ini.

**28. Perkhidmatan Perbankan Elektronik**

28.1 Saya/Kami boleh menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik untuk menjalankan apa-apa transaksi atau memberikan arahan kepada Bank tentang Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami atau apa-apa perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh Bank di bawah perkhidmatan perbankan elektroniknya. Perkhidmatan perbankan elektronik adalah tertakluk pada terma dan syarat selanjutnya, yang disediakan dalam perkhidmatan perbankan elektronik masing-masing atau apabila permintaan dibuat kepada Bank.

28.2 Terma dan syarat yang terpakai untuk perkhidmatan perbankan elektronik terpakai kepada Saya/Kami jika Saya/Kami menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik untuk melakukan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami.

28.3 Terma dan Syarat yang terpakai untuk perkhidmatan perbankan elektronik masing-masing adalah tambahan kepada Terma dan Syarat ini. Jika terdapat percanggahan dan/atau ketaktekalan antara Terma dan Syarat dalam dokumen ini dengan terma dan syarat yang terpakai untuk perkhidmatan perbankan elektronik masing-masing, maka terma dan syarat yang terpakai untuk perkhidmatan perbankan elektronik masing- masing hendaklah digunakan sejauh mana ketaktekalan itu.

**29. Percukaian**

29.1 Apa-apa cukai barangan atau perkhidmatan atau levi yang dikenakan mengikut undang-undang sekarang atau selepas ini atau yang perlu dibayar kepada Bank atau yang akan diterima oleh Bank atas apa-apa perbelanjaan yang ditanggung atau yang akan ditanggung oleh Bank (kecuali jika dilarang oleh undang-undang) akan ditanggung oleh Saya/Kami.

29.2 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendebit Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami bagi tujuan percukai atau levi yang perlu saya/kami bayar. Sekiranya tindakan mendebit ini menyebabkan Akaun Pelaburan Mudarabah Saya/Kami melebihi had pengeluaran, caj pada kadar semasa Bank akan dikenakan ke atas Saya/Kami.

**30. Pelbagai**

30.1 Terma dan Syarat yang terkandung disini adalah mematuhi prinsip Syariah. Saya/Kami dan pihak Bank bersetuju bahawa hak dan tanggungjawab masing-masing adalah sentiasa tertakluk kepada pematuhan Syariah (sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank).

30.2 Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma Khusus atau Terma Khusus Akaun Pelaburan Mudarabah dan/atau Lembaran Pendedahan Produk yang berkenaan, semua terma dan syarat tambahan dan apa-apa terma dan syarat lain yang berkaitan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang dikenakan dan/atau dipinda oleh Bank dari semasa ke semasa termasuk apa-apa syarat dan peraturan lain yang mengikat pihak Bank dan boleh ditafsirkan sebagai perjanjian tunggal di antara Bank dan Saya/Kami. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Saya/Kami telah dinasihati supaya membaca dengan teliti dan memahami Terma dan Syarat ini bersama-sama dengan semua terma dan syarat lain yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah dan Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk mendapatkan nasihat pihak ketiga berhubung dengan Akaun Pelaburan Mudarabah tanpa apa-apa pengaruh atau paksaan sebelum Saya/Kami membuat permohonan dan pelaburan di sini.

**31. Akaun Tidak Aktif**

31.1 Saya/Kami bersetuju bahawa jika tidak ada urus niaga yang dijalankan ke atas Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami bagi tempoh tiga (3) bulan berturut-turut tertentu atau lain yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya, pihak Bank boleh mengganggap Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami tidak aktif dan boleh mengenakan caj atau yuran ke atas akaun tersebut dan menutupnya dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada saya/kami.

31.2 Setelah akaun dianggap tidak aktif, saya/kami boleh memilih sama ada untuk mengaktifkan semula Akaun Tidak Aktif atau menutup akaun berkenaan sebelum baki yang ada dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

31.3 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank juga boleh menutup Akaun Pelaburan Mudarabah atau menarik balik, menggantung atau menamatkan mana- mana atau semua perkhidmatan mengikut garis panduan atau peraturan Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan/persatuan /pihak berkuasa atau Bank.

31.4 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa di bawah peraturan semasa Akta Wang Tak Dituntut 1965 atau apa-apa pindaan berkanun dengannya, apa jua wang dalam Akaun Bank tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun termasuk apa jua keuntungan yang terkumpul dalam kredit Akaun Pelaburan Mudarabah mesti diwartakan sebagai "Wang Tidak Dituntut" dan hendaklah dikirimkan kepada Pendaftar wang Tak Dituntut dan Akaun Pelaburan Mudarabah kemudian akan ditutup oleh pihak Bank. Bank akan memberitahu saya / kami dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum apa-apa pengiriman wang kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

31.5 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa keuntungan ke atas Akaun Pelaburan Mudarabah yang didapati tidak aktif akan dikurangkan menurut kadar seperti yang diiklankan di laman internet, cawangannya atau diberitahu oleh Bank dengan notis dua puluh satu (21) hari.

**32. Pertanyaan/Aduan/Pemberitahuan**

32.1 Jika saya/kami mempunyai apa-apa pertanyaan, kebimbangan atau aduan berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah saya/kami dan/atau Terma dan Syarat ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada memberikan pemberitahuan di bawah Fasal 27.3), saya/kami dengan ini bersetuju untuk menghubungi Bank menggunakan:

Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank Lot
12, Jalan Astaka U8/84,
Section U8, Bukit Jelutong,
40150 Shah Alam,
Selangor.

No. Telefon: 1300-88-6688
No. Telefon Luar Negara: +603-78443696 No.
Faks: 1300-88-8899
Alamat e-mel: mgcc@maybank.com.my.

32.2 Saya/Kami bersetuju untuk menyatakan jenis pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian saya/kami dan butiran atau maklumat lain seumpamanya yang mungkin diperlukan oleh Bank (contohnya dan jika berkenaan, nama saya/kami, akaun yang terlibat, tarikh dan jumlah transaksi yang dipertikaikan, sebab mengapa saya/kami mempertikaikan transaksi itu, dan sebagainya) dan saya/kami mengaku bahawa aduan dan/atau pertikaian tersebut akan disiasat, dikendalikan dan/atau diselesaikan mengikut prosedur penyelesaian aduan dan pertikaian Bank.

32.3 Saya/Kami dengan ini mengaku janji bahawa apa-apa aduan dan tuntutan yang saya/kami buat adalah benar dan sah, dan saya/kami mengaku bahawa saya/kami akan bertanggungan kepada Bank berkaitan dengan aduan atau tuntutan palsu atau berunsurkan penipuan.

**33. Pematuhan Keperluan Pengawalseliaan**

33.1 Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa semua transaksi yang dilakukan melalui akaun saya/kami adalah mengikut garis panduan undang – undang dan saya/ kami bersetuju untuk mematuhi segala keperluan berkaitan penguatkuasaan undang – undang dan akan mendedahkan semua maklumat yang diperlukan oleh pihak Bank. Maklumat yang diberikan oleh saya/kami adalah tepat dan muktamad bagi membolehkan pihak bank untuk memproses transaksi tersebut.

33.2 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk memegang apa-apa dana yang ada didalam akaun saya/kami untuk memastikan pematuhan keperluan kawal selia yang berkaitan dan pihak Bank berhak untuk mendebit akaun saya/kami sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada keperluan kawal selia yang berkaitan.

33.3 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai kuasa mutlak untuk menolak mana – mana transaksi termasuk permohonan bagi pembayaran keluar dan/atau transaksi yang dilakukan oleh saya/kami pada bila – bila masa sekiranya wujud keraguan dari pihak Bank terhadap dokumen sokongan yang telah dikemukakan.

**34. Pengisytiharan**

34.1 Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan dan menyatakan kepada Bank bahawa:

(a) saya/kami bukannya bankrap tidak dilepaskan dan bahawa tidak ada Perkara Insolvensi telah dimulakan terhadap saya/kami di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana bidang kuasa lain;

(b) maklumat yang saya/kami beri adalah benar dan betul, dan saya/kami dengan ini membenarkan Bank mengesahkannya melalui apa-apa sumber yang atas budi bicara mutlak Bank dianggap sesuai. Saya/Kami bersetuju bahawa Bank boleh dengan segera menutup apa-apa Akaun Pelaburan Mudarabah jika apa-apa pengisytiharan yang saya/kami buat dalam dokumen ni didapati palsu atau tidak tepat;

(c) saya/kami membenarkan Bank mendedahkan apa-apa maklumat dalam dokumen ini kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan untuk tujuan mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia, pengurusan pematuhan dan risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan mematuhi Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”) dan Standard Pelaporan Bersama (“CRS”) yang dikehendaki oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (“OECD”);

(d) saya/kami membenarkan penahanan, daripada mana-mana Akaun Pelaburan Mudarabah yang saya/kami ada dengan Bank, apa-apa jumlah tersebut dan pengelasan saya/kami itu sebagai akaun boleh lapor menurut keperluan FATCA dan/atau CRS, undang-undang, peraturan, perjanjian, atau garis panduan atau arahan kawal selia yang terpakai, dan/atau untuk Bank menutup Akaun Pelaburan Mudarabah tersebut, jika saya/kami gagal memberikan maklumat dan/atau dokumentasi yang tepat dan/atau lengkap seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank; dan

(e) Sebagai tambahan kepada yang dinyatakan di atas, saya/kami juga mengaku janji untuk memberikan notis bertulis kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari jika terdapat apa-apa perubahan maklumat atau pengisytiharan yang diberi kepada Bank termasuklah maklumat yang diberi dan pengisytiharan yang dibuat untuk mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS.

**35. Anti-Rasuah, Pengubahan Wang Haram dan Undang-Undang Sekatan**

35.1 Undang-undang Anti Rasuah

(a) Saya / Kami dengan ini mewakili dan memberi jaminan kepada Bank bahawa saya/kami pada setiap masa akan mengendalikan Akaun Perbankan dengan mematuhi semua dasar dan peraturan Undang-undang Anti Rasuah yang berkenaan.

35.2 Pengubahan Wang Haram

(a) Saya/Kami dengan ini menjamin bahawa tiada dana yang berpindah ke dan dari Akaun Perbankan saya / kami mewakili hasil, atau akan digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti yang ditakrifkan dalam Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan dan Perolehan Undang-undang 2001 ("Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram").

(b) Saya/Kami bersetuju bahawa semasa tempoh Terma dan Syarat ini, saya/kami tidak akan mengendalikan Akaun Perbankan: -

(i) melibatkan, secara langsung atau tidak langsung, dalam suatu transaksi yang melibatkan aktiviti yang menyalahi undang-undang;
(ii) menyembunyikan atau menyamar sifat sebenar apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
(iii) menggunakan sebarang wang dari akaun saya/kami untuk sebarang pengubahan wang haram atau tujuan lain yang menyalahi undang-undang.

35.3 Sekatan

(a) Saya / kami tidak dan kepada pengetahuan saya / kami, tidak ada saudara / saudara saya, adalah individu yang (i) kini tertakluk kepada apa- apa sekatan yang ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, OFAC, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Kerajaan Inggeris atau pihak berkuasa sekatan yang berkaitan (secara kolektif, "Sanctions"), atau (ii) terletak atau bermastautin di suatu negara atau wilayah yang menjadi subjek Sanksi (termasuk, tanpa batasan, / Myanmar, Cuba, Iran, Libya, Korea Utara, Sudan atau Syria).

(b) Saya/Kami tidak akan secara langsung atau tidak langsung, membuat apa-apa cara apa-apa hasil daripada apa-apa pengeluaran tunai kepada mana-mana individu atau entiti yang menjadi subjek Sekatan.

(c) Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa Bank mungkin tidak dapat memproses transaksi berkenaan yang melibatkan atau disyaki terlibat dalam pelanggaran Sekatan atau sebarang syarat yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau transaksi yang terlibat. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam memproses sebarang urusniaga tersebut.

TERMA DAN SYARAT TAMAT